

MEDIA WARGA KOTA WILAYAHKU

Petisyen Nik Elin

Menteri-menteri dulu buat apa?

Ekonomi di landasan
tepat
>> 2

Gendang Pati
Bagaikan Sakti M Nasir
>> 9 - 11

365 hari PMX
>> 12 - 13

>> 3

Faktor kerajaan stabil, pasukan berkualiti main peranan

Strategi baharu pacu pertumbuhan KDNK

AZLAN ZAMBRY

AGENDA Ekonomi MADANI dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan antara strategi yang menjelaskan hala tuju yang bakal menempatkan Malaysia di antara 30 negara yang mempunyai kekuatan ekonomi.

Menurut Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, **Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid**, kesemua pelan pembangunan ekonomi dan Belanjawan 2024 yang telah diumumkan Perdana Menteri mengandungi penstrukturan ekonomi negara, mengatur hala tuju baharu untuk sektor pembuatan yang lebih mampan dan berdaya saing serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"Ia juga menjadi penunjuk arah kepada pihak swasta termasuklah para pelabur luar dan dalam negara di samping membolehkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) melaksanakan pelaburan strategik, membangunkan modal insan, menyokong syarikat pemula dan PKS, memacu kemampanan dan melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang berimpak tinggi," katanya kepada *Wilayahku* pada baru-baru ini.

Tambah beliau, keseluruhan pelan-pelan di atas sudah sedia untuk menstruktur ekonomi negara dan usahasama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri harus seiringan tanpa didorong kepentingan politik.

Aimi Zulhazmi berkata terdapat hikmah tersendiri dalam kejatuhan nilai ringgit kerana



ANWAR mengadakan pertemuan bersama ahli perniagaan dan pakar teknologi Islam yang berpusat di San Francisco, Amerika Syarikat baru-baru ini.

kerajaan perlu bergerak seiring dengan pihak swasta untuk lebih agresif dan proaktif dalam mencari solusi jangka panjang.



AIMI ZULHAZMI

"Misalnya isu mengimport barangan tempatan yang bukan sahaja mendedahkan rakyat kepada inflasi global yang diimport tetapi ia juga memberikan kesan besar kepada sekuriti makanan negara yang perlu dikurangkan secara langsung sekiranya negara mampu ataupun secara

bertahap dengan agresif.

"Bagi sektor pelancongan pula, pemain industri berkaitan pasti mengharapkan kejatuhan nilai ringgit menjadi pemangkin kepada industri ini untuk berkembang pesat dan dalam Belanjawan 2024, kerajaan telah



SYED MARWAN

menyasarkan tahun 2025 sebagai Tahun Melawat Malaysia," katanya sambil menambah bahawa kerajaan tidak perlu malu untuk belajar dari negara jiran yang kekal menjadi tumpuan industri pelancongan dunia khususnya Thailand menyumbangkan 18 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2022.

Ujar beliau, dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan KDNK yang disasarkan sebanyak 4 ke 5 peratus, kerajaan dengan BNM mestilah berganding bahu untuk menyelaraskan ekonomi domestik secepat mungkin melalui dasar fiskal dan monetari yang seiring.

"Dengan kadar inflasi yang terkawal walaupun masih tinggi dari tahun lepas, namun ekonomi domestik haruslah mempunyai kitaran tunai yang sihat untuk melonjakkan

permintaan dan pertumbuhan dalam negeri.

"Ekonomi domestik yang ditekankan menjadi pemacu ekonomi tahun 2023, masih positif tetapi masih kecil dengan jumlah penduduk 33 juta orang sahaja. Kesimpulannya, KDNK negara untuk tahun 2024 berada pada aras 4 ke 4.5 peratus sahaja berdasarkan kepada faktor-faktor semasa," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IiBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Dr Syed Marwan Mujahid Syed Azman** menyifatkan bahawa kejatuhan ringgit bukan faktor utama untuk meningkatkan pelaburan dan pelancongan.

Ujarnya, faktor seperti pelan dan wawasan yang jelas, harga barangan yang stabil, tenaga pekerja yang mahir dan produktif, kualiti pendidikan, iklim politik yang stabil dan moderat, promosi pelancongan dan pelaburan yang berkesan serta budi pekerti rakyat Malaysia lebih memainkan peranan.

"Antara lain, faktor ketua negara dan dibantu dengan pasukan yang berkualiti, dihormati dan disegani juga sedikit sebanyak memainkan peranan," katanya.

Beliau berkata mengikut penanda aras ekonomi di AS, kemungkinan besar kadar faedah di sana akan diturunkan dan sedikit sebanyak akan mempengaruhi nilai ringgit.

"Jika pelan ekonomi kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan politik kekal stabil, *Insha-Allah* ringgit akan terus mengukuh.

"Walaupun bagaimanapun, faktor luar seperti serangan rejim Israel ke atas Palestin yang terus-menerus mungkin merebak ke negara lain dan jika ini tidak ditangani oleh kuasa-kuasa besar dunia, mungkin akan memberi kesan kepada ekonomi global termasuk ekonomi dan prestasi mata wang Malaysia," katanya. **WK**

Politik stabil, dasar ekonomi jelas tarik minat pelabur asing

SYED HAZIQUE

KESTABILAN politik negara serta dasar ekonomi yang jelas menarik minat pelabur-pelabur antarabangsa melakukan pelaburan di negara.

Adalah dimaklumkan pertemuan dengan pelabur antarabangsa, yang membawa hasil pelaburan langsung asing berjumlah RM63.02 bilion.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata antaranya adalah pelaburan daripada Abbott Laboratories, Mondelez International, Amsted Rail, Hematogenix, PerkinElmer, Ford Motor Company, Boeing, Amazon Web Services, Enovix dan Lam Research.

"Nilai pelaburan lain pula diraih daripada pertemuan berasingan dengan gergasi teknologi seperti Google, Enovix Corporation, Microsoft, TikTok dan TPG.

"Pelaburan TikTok dilihat agak besar dan ia turut bergantung kepada tempoh pantas Malaysia dalam meluluskan semua pelaburan berkenaan.

"Dalam mempertimbang apa-apa juga ruang kelulusan dan insentif diperlukan, saya lebih



TESLA melebarkan sayap perniagaan ke Malaysia sekali gus menunjukkan dasar pelaburan negara diyakini oleh syarikat antarabangsa.

menekankan soal pemindahan teknologi dan latihan supaya kita ada tahap keupayaan dalam bidang diterokai yang lebih canggih dan mencabar," katanya.

Jelas Perdana Menteri, kehadiran Tesla di negara jelas memberi kesan positif di Malaysia.

"Ia mampu menarik kehadiran kalangan penggiat kenderaan

elektrik (EV) ditambah lagi ketika negara sedang aktif untuk penggunaan kenderaan EV.

"Kehadiran Tesla di Malaysia sebagai satu petunjuk baik

terhadap negara, selain memberi manfaat dari segi pertambahan jumlah Stesen Pengecas Super bagi kenderaan EV," katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut menegaskan sokongan negara terhadap rakyat Palestin dan menentang sekeras-kerasnya kekejaman rejim Zionis, Israel terhadap penduduk Gaza tidak menjejaskan ekonomi dan pelaburan syarikat asing khususnya dari Amerika Syarikat (AS).

Tambah Anwar, pelabur utama AS termasuk Google Inc dan Microsoft Inc masih memberi keutamaan kepada kestabilan politik dan dasar ekonomi kerajaan yang jelas.

"Di sini juga ada suara kebimbangan bahawa sikap tegas kita berdepan dengan AS dan negara Eropah akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara.

"Tentunya sebagai orang yang bertanggungjawab dalam negara dan pertumbuhan ekonomi, kita juga mengambil kira dan prihatin mengenai permasalahan ini.

"Soal hubungan perdagangan setakat ini tak menjejaskan sama sekali. Mereka tahu pendirian kita dan mereka ikuti kenyataan kita," ujarnya. **WK**

Kaitkan kerajaan sokong petisyen Nik Elin

PM selar dakwaan tidak berasas pembangkang

SKUAD WILAYAHKU

PERDANA Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** menyelar dakwaan pemimpin Perikatan Nasional (PN) yang mengaitkan Kerajaan Perpaduan menyokong petisyen Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid yang mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019.

Beliau turut mempersoalkan kewajaran PN serta jemaah Menteri yang berkuasa ketika itu hanya mendiamkan diri dan tidak mengambil sebarang tindakan ketika petisyen itu dibuat sebelum Kerajaan Perpaduan mengambil alih tampuk kuasa pemerintahan pada November 2022.

“Bagaimana seorang menteri boleh kata saya tidak tahu. Saya tegaskan di sini kerana ada percubaan seolah kita menentang. Di mana yang kita menentang? Siapa perintah masa itu, siapa Perdana Menteri, siapa Menteri Undang-Undang. Sekarang semua bebanan pada kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Mohd Azizi Abu Naim (PN-Gua Musang) yang ingin mengetahui pendirian Kerajaan Persekutuan berhubung Notis Petisyen yang difailkan Nik Elin Zurina dan anaknya yang dilihat berusaha mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 ketika sesi Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat pada Selasa.

Perdana Menteri turut membidas sikap pemimpin PN yang hanya mahu mempolitikkan isu berkenaan dan mencari salah kerajaan sedangkan ketika mereka berada di tampuk kuasa tidak peka mengenai isu terbabit.

“Saya hanya ambil alih (kerajaan)



PERDANA Menteri turut menyelar dakwaan pembangkang yang menuduh pentadbirannya menentang pemerkasaan undang-undang syariah.

November tahun lalu, sedangkan kes (Iki Putra Mubarak) sejak 2021 dan 2022 (petisyen Nik Elin). Tidak ada pula mereka nak tubuhkan jawatankuasa khas. Jadi tak usahlah dipolitikkan dan jangan cemarkan Perlembagaan Persekutuan, malah bersumpah (kononnya) untuk pertahankan Perlembagaan,” katanya.

Anwar berkata tindakan tersebut hanya menyebabkan isu sebenar iaitu bidang kuasa negeri boleh melaksanakan undang-undang sendiri tanpa berunding dengan Kerajaan Persekutuan.

“Substantifnya adalah isu bidang kuasa, adakah negeri boleh buat undang-undang (sendiri) atau harus berunding dengan peringkat persekutuan.

“Ini bukan keputusan substantif soal syariah, ia soal bidang kuasa. Apakah negeri boleh buat (undang-undang)?

“Kita bayangkan, kalau negeri itu diberikan ruang sewenang-wenangnya, semua

negeri buat undang-undang dan setiap-negeri itu ada percanggahan” jelasnya lagi.

Perdana Menteri turut menyelar dakwaan pembangkang yang menuduh pentadbirannya menentang pemerkasaan undang-undang syariah dengan mengaitkannya sebagai agenda mencabar perundangan syariah di negara ini selain meminta mana-mana pihak termasuk ahli politik tidak ‘menunggang’ isu notis petisyen Nik Elin Zurina.

“Saya tegaskan perkara ini kerana ada percubaan seolah (mengatakan) kita menentang (undang-undang syariah).

“Kita akan gesa (tindakan segera) dilakukan Menteri Agama, termasuk memberi ruang kepada semua pihak, bukan hanya (pihak) kerajaan tetapi pembangkang, alim ulama dan pihak lain. Ini memandangkan ada persepsi sebahagian orang Islam, seolah ini mencabar perundangan syariah kerana persepsi ini timbul disebabkan orang politik

menunggang agama untuk mainkan isu ini,” katanya.

Cabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah tidak lemahkan Islam

ISU pendengaran petisyen bagi mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019, tidak memburukkan agama Islam atau melemahkan kuasa Mahkamah Syariah.

Perkara tersebut dimaklumkan sendiri oleh Ketua Hakim Negara, **Tun Tengku Maimun Tuan Mat**.

Menurut beliau, isu yang terdapat dalam sebahagian petisyen tersebut sama ada Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan mempunyai kuasa untuk menggubal peruntukan yang dipertikaikan.

Tengku Maimun berkata, semua pihak perlu memahami latar belakang kes dan menggesa terutama pihak terlibat secara

langsung dalam petisyen itu supaya mengelak daripada menyebarkan maklumat yang diputarbelitkan bagi mengelakkan salah tanggapan dalam kalangan orang ramai.

“Kami ingin mengingatkan peguam bahawa anda terikat dengan etika profesion anda dan anda tahu adalah tidak wajar untuk membincang-

kan kes di forum awam, lebih-lebih lagi untuk mendedahkan fakta penuh kes.

“Kenyataan bahawa mahkamah syariah akan berkubur di Malaysia adalah tidak benar, peguam juga gagal mendedahkan fakta

bahawa pempetisyen sebenarnya menimbangkan dua daripada 20 peruntukan sebenarnya dalam bidang kuasa negeri Kelantan untuk digubal bermakna mereka ini di bawah Mahkamah Syariah.

“Kami mengingatkan semua orang khususnya peguam untuk menegakkan undang-undang dan bukan untuk memainkan sentimen yang menghasut orang ramai,” katanya.

Tengku Maimun yang memengerusikan panel sembilan Hakim Mahkamah Persekutuan turut dianggotai Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim; Hakim Besar Malaya, Tan Sri Mohamad



TENGKU MAIMUN



RAFIQUE

Zabidin Mohd Diah; Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Abdul Rahman Sebli; Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri P Nalini; Datuk Mary Lim Thiam Suan; Datuk Harmindar Singh Dhaliwal; Datuk Nordin Hassan dan Datuk Abu Bakar Jais.

Sementara itu, Peguam, **Muhammad Rafique Rashid Ali** yang mewakili Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mencadangkan supaya Ahli Parlimen mempertimbang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Menurutnya, ia sekiranya Mahkamah Persekutuan mengambil keputusan membatalkan 18 kesalahan syariah dalam enakmen negeri Kelantan yang dicabar oleh Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid.

“Tindakan cabaran yang diambil

oleh pihak Nik Elin tiada kena-mengena sama ada seseorang itu muslim atau seorang itu ada akidah atau tidak sebenarnya.

“Dia hanya mengenai sama ada DUN kelantan mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang yang menurut mereka sebenarnya telahpun dibuat oleh Kerajaan Persekutuan ataupun hanya boleh dibuat oleh Parlimen,” katanya.

Tambah Muhammad Rafique, tugas mahkamah hanya untuk mentafsir undang-undang yang sedia ada sahaja.

“Perubahan sesuatu undang-undang hanya boleh dibuat oleh Parlimen ataupun DUN sahaja.

“Itulah yang ramai dalam kalangan peguam menyatakan bahawa cara yang betul sebenarnya adalah untuk meminda perlembagaan supaya kita nampak dengan jelas,” katanya. **WK**

Kronologi Kes Iki Putra & Nik Elin



Isu video tular: Agus tiada kaitan dengan kerajaan

ISU rakaman video bualan lucu membabitkan bekas Ketua Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM), Datuk Mohammad Agus Yusoff dan Penolong Pegawai J-KOM, Abdul Wahab Kadir Jilani masih menjadi bualan di media sosial mahu pun dalam kalangan masyarakat.

Malah, beberapa pihak sewenang-wenang menunding jari kepada pihak kerajaan yang dikatakan tidak mampu membendung kakitangan daripada terlibat dengan gejala yang tidak bermoral seperti itu.

Tampil menjawab isu tersebut bagi menjernihkan keadaan, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil berkata tuduhan tersebut tidak tepat sama sekali selain tidak berasas memandangkan Agus tidak lagi mempunyai kaitan dengan kerajaan atau jabatan berkenaan.

"Kita ucapkan terima kasih, sekarang individu itu (Mohammad Agus) tidak lagi ada apa-apa kaitan dengan kerajaan atau J-KOM. Penggantian kekosongan jawatan Ketua Pengarah J-KOM akan dilaksanakan secepat mungkin.

"Saya belum bercakap dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) khusus mengenai perkara ini, tetapi saya percaya *insya-Allah*, langkah-langkah untuk mengisi jawatan itu akan dibuat secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media di San Francisco sempena lawatan kerja Perdana Menteri sempena Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC ke-30, baru-baru ini.



Terdahulu, Mohammad Agus mengesahkan telah menghantar surat peletakan jawatan sebagai Ketua Pengarah J-KOM berkuat kuasa 15 Disember depan.

Beliau bagaimanapun menafikan tindakan peletakan jawatan itu berkait rapat dengan desakan susulan dakwaan prestasi J-KOM yang kurang memuaskan.

Sebaliknya, beliau mendakwa tindakannya itu disebabkan tawaran yang diterima daripada organisasi tempatan dan antarabangsa yang memerlukan khidmatnya.

Mohammad Agus dilantik sebagai

Ketua Pengarah J-KOM pada Februari lalu, namun beliau serta jabatan terbabit banyak menerima kritikan berikutan disifatkan kurang berkesan dalam memainkan peranannya menguar-uarkan maklumat berkaitan pelbagai manfaat dan insentif disediakan Kerajaan Perpaduan kepada rakyat.

Diharapkan segala persoalan yang bermain di fikiran setiap yang mengikuti isu ini sudah pun terjawab. Jangan sesuka hati mengaitkan individu tersebut dengan pihak kerajaan.

Rasanya sangat tidak adil

menunding jari sebegitu hanya kerana untuk menjadi *keyboard warrior* atau sebaliknya. Hati-hati dengan fitnah kerana fitnah serta maklumat yang salah akan membina persepsi buruk selain tohmahan.

Sebarang perkongsian kandungan bersifat palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang disabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali. **WK**

Tuduh kerajaan tidak cakna jangkitan Tibi, semua dalam kawalan

KECOH baru-baru ini tentang penyakit Tibi merebak dengan pantas di sekitar kawasan Cheras dan Kuala Lumpur sehingga menjadi ancaman kepada penduduk setempat.

Malah individu yang menyebarkan video itu juga turut mengingatkan orang ramai agar memakai pelitup muka jika keluar ke kawasan tersebut. Berita palsu yang dengan mudah tersebar telah mendatangkan situasi panik kepada penduduk.

Ramai yang mula mempercayai perkara itu dan segelintir netizen turut mempersoalkan pihak bertanggungjawab yang dikatakan tidak cakna dengan keselamatan rakyat.

Sepatutnya semua pihak jangan cepat melatah dan mempercayai bulat-bulat apa yang disebarkan di laman sosial lantas menuduh kerana semuanya masih berada dalam kawalan.

Buktinya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan



penyakit Tibi sentiasa ada di negara ini namun ia bukanlah wabak dan keadaannya masih terkawal.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata taburan penyakit itu hanya berlaku di Lembah Klang dan Bahagian Kesihatan Awam KKM sedang meneliti isu berkenaan.

Malah, pihak KKM turut

menyarankan orang ramai yang mengalami batuk berpanjangan untuk berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan.

"Perkembangan penyakit Tibi boleh dirujuk melalui aplikasi *MySejahtera* kerana KKM sudah merekodkan jumlah kes di kawasan masing-masing atau berdekatan,"

katanya kepada pemberita pada Majlis Sambutan Minggu Kesedaran Kerintangan Antimikrob (WAAW) Peringkat Kebangsaan 2023 dan Pelancaran Pelan Tindakan Kerintangan Antimikrob Malaysia (MyAp-AMR 2022-2026), baru-baru ini.

Dr Zaliha berkata, jumlah pesakit akan dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dalam masa terdekat.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana penyakit itu boleh dicegah melalui suntikan vaksin," ujar beliau.

Sebagai info, Tuberkulosis (Tibi) atau batuk kering adalah penyakit yang melemahkan badan dan menjadi endemik di negara ini berpunca daripada bakteria *Mycobacterium Tuberculosis*.

Mereka yang paling terdedah kepada jangkitan penyakit ini adalah orang tua, mereka yang rendah imuniti seperti pesakit kencing manis, menjalani terapi steroid kronik dan penghidap HIV. **WK**

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

23-26/11/23: Korean Film Festival 2023 @ GSC Mid Valley Megamall

24-26/11/23: Nostalgia Anak Kampung @ Muzium Negara

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Muzium Negara

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

10-31/12/23: Plant Success Story across climates @ Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



22-26/11/23: Karnival Usahawan Desa @Anjung Floria, Putrajaya

2/12/23: KLSCCI Foodie Run 2023 @ Anjung Floria

8-9/12/23: Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPJ 2023 @ Taman Wetland Putrajaya, Presint 13, Putrajaya

9/12/23: Putrajaya Green Light Run @ Anjung Floria

9-10/12/23: Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejurangan Putrajaya 2023 @ Kompleks Kejurangan Presint 11, Putrajaya

9-10/12/23: Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejurangan Putrajaya 2023 @ Kompleks Kejurangan Presint 11

LABUAN



26/11/23: Labuan Challenge 3.0 (Cycling) @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

2/10-31/12/23: Pembaharuan lesen perniagaan 2024 @ Wisma Perbadanan Labuan

2-3/12/23: Labuan E-Sport Festival @ Persatuan Sukan Elektronik Labuan

DBKL Bersama Media: Walk Hunt 2023

Lebih 100 pengamal media dirai



PENGAMAL media bergambar sebelum sesi pelepasan yang disempurnakan oleh Ismadi (tengah) bertempat di Dataran DBKL.

AINI MAWAWI

LAPORAN berita positif yang dilaporkan media mengenai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperlihatkan ia sebagai sebuah organisasi yang mampu menguruskan pembangunan fizikal dan kesejahteraan warga kota dengan baik.

Bagi menghargai para pengamal media, DBKL tampil meraikannya dalam Program DBKL Bersama Media: Walk Hunt 2023 bertempat di Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut baru-baru ini.

Lebih 100 orang pengamal media menyertai acara tahunan edisi ke-9 yang telah bermula sejak tahun 2014 itu.

Program yang bermula seawal pukul 9 pagi itu menyaksikan para peserta dilepaskan secara

berkumpulan untuk menjawab 25 soalan yang tersedia di lokasi yang ditentukan melibatkan laluan sepanjang tiga kilometer (km).

Sepanjang program berlangsung, peserta juga berpeluang menikmati keindahan bandar raya Kuala Lumpur yang berlatarbelakangkan kehijauan dan bangunan pencakar langit.

Mereka juga dapat menyaksikan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan bandar raya Kuala Lumpur kekal bersih, indah dan sejahtera.

Sejurus cabaran program selesai, para pengamal media disajikan dengan jamuan makan tengah hari yang dihoskan oleh Datuk Bandar



MOHD FAZLI

Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Dalam ucapannya, beliau menzahirkan rasa penghargaan kepada pengamal media yang bertungkus lumus memberikan liputan, publisiti dan hebahan ke atas setiap program dan inisiatif DBKL.

“Besar harapan saya hubungan akrab yang sedia terjalin di antara pihak media dan DBKL ini dapat dipereratkan bagi membolehkan warga kota mendapat hebahan dan maklumat inisiatif terkini DBKL,” ujar beliau.

Acara kemuncak majlis menyaksikan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang DBKL Walk Hunt 2023, pertandingan

karaoke dan cabutan bertuah.

Pemenang tempat pertama program tersebut disandang oleh Kumpulan Netizen dari BERNAMA yang dianggotai oleh Mohd Fazli Rashidi dan Azhar Marzuki.

Sementara itu, Mohd Fazli menyifatkan acara tersebut dapat mengeratkan hubungan antara DBKL dan pihak media selain menerokai keindahan Kuala Lumpur.

“Sesetengah orang tak tahu tempat-tempat tersorok yang ada di sini jadi dengan adanya program ini kami dapat menjejakkan kaki ke kawasan tersebut,” ujarnya kepada Wilayahku.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi, Ismadi Sakirin dan pengarah-pengarah jabatan dalam DBKL. **WK**

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial Wilayahku.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sugu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) Wilayahku.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Bayar tunggakan sewa

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini semakin agresif dalam tindakan memastikan penyewa kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) membayar tunggakan sewa yang lama tertunggak.

Yang terbaharu DBKL melaksanakan Operasi Kunci Air (OKA) di kediaman penyewa tertunggak sewa di PPR Muhibbah dan PPR Batu Muda. Sebelum itu operasi sama dijalankan di PPR Perkasa dan PPR Seri Alam pada awal September lalu.

Kawan-kawan Kedai Kopi bersetuju dengan tindakan DBKL ini kerana itu satu cara berkesan untuk mengingatkan penyewa yang ingkar membuat bayaran. Difahaman ada yang sudah mempunyai terlalu banyak tunggakan.

Tindakan DBKL tidak harus dipandang sebagai menganiaya penyewa kerana pelbagai peringatan telah diberi. Notis peringatan dikeluarkan. Pertemuan terbuka juga diadakan bertujuan memberi peluang kepada penyewa menyusun semula pembayaran. Kaunter bergerak turut dibuka bagi memudahkan proses pembayaran.

Namun ramai tetap degil, tidak berterima kasih atas kelonggaran yang diberi. Apakah lagi yang harus dilakukan oleh DBKL selain bertindak drastik setelah segala kaedah peringatan, nasihat dan tolak ansur tidak diendahkan? Yang mahu kunci air dibuka perlu menjelaskan tunggakan terlebih dahulu.

Hakikat bahawa tindakan ini dilakukan di beberapa PPR menampakkan seolah-olah segelintir penyewa PPR sengaja liat tidak mahu membayar sewa. Ini memberi imej tidak baik kepada para penyewa lain yang setia membayar sewa menurut jadual.

Oleh itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap tindakan yang diambil oleh DBKL dijadikan iktibar oleh para penyewa PPR lain di ibu negara agar menjelaskan sewa setiap bulan atau melangsaikan tunggakan jika ada.

Pihak DBKL bukan tidak bertimbang rasa bertindak terus tanpa rundingan atau tanpa memberi peluang kepada penyewa kurang mampu menyusun semula bayaran jumlah hutang. Yang penting tunjukkan kesungguhan dan komitmen mahu membayar. Lama-kelamaan akan habis juga. Selepas itu jangan biasa biarkan sewa tertunggak lagi.

Para penyewa PPR mesti sedar mereka bertuah kerana mendapat tempat di

perumahan berkenaan sedangkan ramai lagi masih menunggu sehingga bertahun-tahun. Sudah dapat kemudahan belajarlah menghargai.

Jangan salahkan orang lain jika sampai DBKL mengarahkan mereka mengosongkan unit lantaran enggan membayar sewa atau membereskan tunggakan. Memang lebih baik sahaja unit berkenaan diberi kepada mereka yang telah lama menunggu giliran.

Sengaja langgar peraturan

RASA geram ada, marah pun ada apabila kawan-kawan Kedai Kopi melihat segelintir orang ramai yang tidak mematuhi peraturan. Ambil contoh menghisap rokok di premis awam, termasuk premis makanan dan minuman.

Bukan tidak tahu larangan merokok di tempat awam sudah lama dikuatkuasa. Namun dengan sengaja dan tanpa rasa bersalah melanggar peraturan sesuka hati. Tidak peduli untuk mematuhi, tambahan apabila merasakan tidak ada yang memerhati atau memantau.

Geram sungguh apabila sedang enak menjamu selera, ada yang berada dalam premis sama menghisap rokok dengan asap berkepul-kepul memenuhi udara. Ini ditambah dengan sembang kuat berdegard

degard jika dalam kumpulan.

Tentu sahaja perbuatan ini mencemar persekitaran serta mengganggu orang ramai, terutama yang tidak merokok. Hendak ditegur boleh mencetus masalah. Pemilik premis pun biasanya tidak cukup berani menegur kelompok ini.

Sudah diketahui merokok membahayakan kesihatan. Jika tidak peduli pun, jangan menghisap di tempat larangan sehingga tempasnya memudaratkan orang lain. Biar diri sendiri sahaja tanggung akibat, jangan libatkan orang lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi perhatikan, pada peringkat awal larangan merokok di premis makanan dahulu, ia dipatuhi. Penguatkuasaan juga ketat menyebabkan perokok takut untuk melanggar peraturan.

Namun lama-kelamaan dan penguatkuasaan sudah agak longgar, perangai lama kembali. Pada fikiran mereka orang ramai sudah lupa mengenai larangan tersebut sedangkan peraturan itu tidak pernah dimansuh.

Janganlah mengharap penguatkuasaan sepanjang masa baharu hendak patuh. Penguat kuasa juga ada kerja lain hendak dilakukan. Sebaliknya tanamlah kesedaran sivik yang tinggi dalam diri. Patuhi peraturan sebagai peraturan, bukan kerana takut pada penguatkuasaan.

Menyantuni warga tua, golongan OKU

KUALA Lumpur bakal menjadi bandar raya golongan tua atau 'Ageing City' menjelang tahun 2040 berikutan pertambahan penduduk warga tua. Menurut rumusan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040), pada 2040 jumlah warga tua diunjur meningkat kepada 17.3 peratus berbanding 9.2 peratus pada 2025.

Untuk rekod, PSKL2040 menggantikan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020) selaku dokumen perancangan masa hadapan Kuala Lumpur dalam memacu pembangunan strategik ibu negara sehingga 2040.

Adi harap semua pihak faham status bandar raya warga tua ini bukan bermakna Kuala Lumpur bakal dipenuhi warga tua keseluruhannya menjelang 2040. Cuma peratusnya sahaja yang meningkat. Nisbahnya masih kecil berbanding keseluruhan penduduk Kuala Lumpur yang kini dianggar 8.7 juta orang.

Walaupun begitu, PSKL2040 memberi perhatian utama terhadap golongan ini. Untuk itu beberapa perkara digariskan dalam pelan struktur berkenaan sebagai persediaan apabila tiba masanya nanti.

Antara yang digariskan ialah penyediaan kemudahan tempat tinggal dan kesihatan bagi warga tua. Ini merangkumi rumah persaraan untuk kehidupan yang bebas, dilengkapi kemudahan perubatan serta rumah penjagaan atau *nursing home*.

Kemudahan tempat tinggal untuk golongan tua disaran diwujudkan untuk membolehkan mereka hidup tanpa bergantung kepada orang lain. Namun menurut PSKL2040, pewujudan kediaman dengan kelengkapan kesihatan memerlukan kajian mendalam.

Pelan tersebut mencadangkan tempat tinggal dibina di kawasan kediaman biasa atau kawasan komersial menurut kesesuaian. Kediaman tersebut sama ada dijual,



MEMBERI kuota untuk golongan OKU menyewa rumah kos rendah di Kuala Lumpur antara cadangan yang digariskan dalam PSKL 2040.

dipajak atau disewakan kepada warga tua. Kawasan kediaman disyor mempunyai kelengkapan untuk aktiviti sosial serta kemudahan awam untuk keperluan mereka.

Dalam hubungan ini, melalui PSKL2040 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu menawarkan garis panduan komprehensif bagi perancangan dan pembinaan rumah penjagaan untuk warga tua, selari dengan arahan agensi-agensi berkaitan.

Adi melihat apa yang digariskan oleh pelan struktur tersebut skopnya lebih luas dan terperinci. Ini kerana perlu diingat, dewasa ini pun sudah wujud rumah-rumah penjagaan warga tua kendalian kerajaan khusus bagi menyediakan suasana kehidupan lebih selesa untuk mereka.

Ramai daripada yang mendiami rumah ini antaranya hidup sebatang kara, tiada tempat hendak mengadu dan berlindung. Rumah orang tua menjadi persinggahan terakhir

sebelum dipanggil menghadap Ilahi. Namun ada juga yang mempunyai keluarga tetapi disisihkan dan terpaksa mencari kehidupan sendiri. Memang tidak wajar bagi keluarga, atau anak-anak meletakkan ibu bapa di rumah orang tua. Namun kenyataannya perkara ini terjadi.

Kerana itu ada yang secara sukarela memilih tinggal di rumah penjagaan kerana merasai diri lebih terbela dengan perhatian dan kasih sayang diberi oleh kerajaan. Hidup lebih seronok dikelilingi rakan-rakan yang sebaya dan senasib dalam melalui sisa kehidupan.

Adi tidak dapat menduga bentuk kawasan kediaman khusus untuk warga tua yang bakal diwujudkan nanti. Adakah ia kawasan terkawal dalam kawasan bebas? Maksudnya dalam satu kawasan kediaman terdapat satu kawasan untuk warga tua, tetapi diasingkan dengan pagar atau sebagainya.

Jika matlamatnya untuk dijual, dipajak atau disewa, konsep kawasan kediaman warga tua ini nyata berbeza dengan rumah kebajikan milik kerajaan. Ini kerana semua kemudahan dan sara hidup penghuni rumah kebajikan ditanggung oleh kerajaan.

Kerana itu Adi terfikir dalam membina kawasan kediaman untuk warga tua, elok juga menambah atau membesarkan saiz rumah kebajikan. Dengan itu lebih ramai warga tua boleh menghuni rumah berkenaan di seluruh negara tanpa perlu menanggung kos.

Namun jika matlamatnya mahu memberi peluang kepada yang mampu untuk mempunyai kediaman sendiri dan membayar sendiri untuk semua kemudahan, apa yang dicadangkan dalam PSKL 2040 itu adalah kaedah atau pilihan terbaik.

Pada masa ini pun ramai warga tua tinggal di rumah sendiri yang telah mereka beli sewaktu usia muda. Tidak kurang ramai pula yang serasi tinggal bersama anak-anak atau kaum keluarga lain. Bagi mereka ini tiada lagi keperluan rumah, apatah lagi untuk tinggal di rumah kebajikan.

Apa yang diharap, di mana juga warga tua ini tinggal, mereka akan menjalani kehidupan dengan selesa dan kesihatan terjaga. Juga keperluan sosial dan ekonomi dipenuhi serta urusan harian mudah dilaksanakan. Tiada apa yang lebih membahagiakan warga tua selain kehidupan yang tenang dan damai.

Masih mengenai penghuni warga kota, Adi ingin menyentuh satu lagi aspek yang ditekankan dalam PSKL2040. Pelan tersebut mengunjurkan Kuala Lumpur akan mengalami peralihan (*shift*) profil penduduk pada 2040.

Jika jumlah warga tua diunjur meningkat kepada 17.3 peratus, jumlah isi rumah (*households*) keluarga pula berkurang daripada kepada 3.0 pada 2040, berbanding unjuran 3.2 pada 2025. Mengambil kira faktor ini, perancangan dan pengurusan perumahan perlu mengambil kira perubahan profil ini.

Bagi Adi, perumahan masih menjadi salah satu isu utama dihadapi warga kota, terutama bagi golongan kurang berkemampuan. Mereka menaruh harapan tinggi kepada perumahan awam seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) kendalian DBKL. Ini kerana sewa atau harganya lebih rendah berbanding projek perumahan yang dimajukan oleh swasta.

Kerana itu peralihan isi rumah tidak harus menjejaskan

penyediaan kediaman kepada golongan memerlukan yang menunggu hingga berpuluh tahun mendapatkan unit PPR atau PA. Jumlah yang menunggu makin bertambah setiap tahun berbanding pembinaan rumah baharu. Ini kerana kediaman baharu mengambil masa untuk disiapkan.

Justeru semakin lama keadaan makin mendesak. Adi percaya perkara ini akan diberi perhatian utama seiring pelaksanaan PSKL2040. Selama ini pun memang kerajaan sentiasa prihatin menyediakan tempat berlindung daripada panas dan hujan kepada warga kota, malah seluruh negara.

Jangan lupa dalam kalangan mereka yang memerlukan kediaman adalah Orang Kurang Upaya (OKU). Kerana itu PSKL2040 menekankan perlunya usaha bersepadu dilaksanakan oleh pelbagai agensi dalam memastikan golongan ini tidak diabaikan. Jumlah yang berdaftar sebagai OKU di Kuala Lumpur meningkat 12.2 peratus pada 2020, iaitu berjumlah 38,590 berbanding 34,299 pada 2019.

Kerana itu juga antara cadangan yang digariskan ialah memberi kuota untuk golongan OKU menyewa rumah kos rendah di Kuala Lumpur atau flat DBKL, dilengkapi dengan kemudahan, misalnya laluan OKU dan kawasan parkir khas.


Yang diharapkan ialah PSKL2040 akan memacu kecemerlangan Kuala Lumpur dan pada masa sama mensejahterakan rakyat. Inilah matlamat pelan tersebut dalam usaha menjadikan ibu kota berdiri megah setanding bandar raya lain di dunia dan warganya pula bahagia dan ceria.

Adi — Bangga jadi warga kota

Adi Trah

RAGAM KOTA

F#minor



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

Berkabung demi rakyat Gaza

SELAMA lebih sebulan, serigala kehausan darah daripada rejim zionis Israel meratah saudara-saudara kita di Gaza secara hidup-hidup. Yang berlaku di Gaza itu bukan peperangan.

Ia juga bukan pembunuhan sebaliknya satu pembunuhan beramai-ramai dilakukan oleh tentera zionis Israel terhadap warga Palestin. Pembunuhan beramai-ramai atau *genocide* diharamkan oleh undang-undang antarabangsa semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 1946.

Maknanya yang dilakukan oleh rejim zionis itu adalah satu jenayah perang dan pelakunya, Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu boleh didakwa di mahkamah antarabangsa. Tetapi seperti yang semua orang sedia maklum, undang-undang kerap kalinya sekadar undang-undang.

Biarlah perkara itu kita bincangkan pada forum yang lain. Sebaliknya tulisan ini lebih pada rasa kemanusiaan yang menghubungkan kita dengan mereka yang sedang berdepan maut di Gaza. Tali perhubungan itu tidak kelihatan, ia hanya dirasa di jiwa yang ada manusia dalamnya.

Setakat ini sudah berbelas ribu warga Palestin terkorban, sebahagian daripadanya adalah kanak-kanak. Ya, kanak-kanak itu mungkin sebaya dengan anak-anak kita, adik-adik kita yang seharusnya dilindungi daripada segala mara bahaya.

Manusia baik di atas muka bumi ini saling berhubungan antara satu dengan lain melalui rasa kemanusiaan. Pertalian itu tidak pernah putus selagi manusia mempunyai rasa yang sama terhadap manusia lain. Ia merentas garis agama, budaya dan geografi.

Adalah suatu yang biasa sekiranya kita rasa terganggu atau ikut berduka atas tragedi yang terpaksa diharungi oleh warga Palestin di Gaza. Rasa itu lahir daripada manusia yang tinggi kemanusiaannya. Dan tidaklah manusia namanya kalau tanpa kemanusiaan – contohnya rejim zionis Israel.

Maka bersyukur kalau ikut rasa terganggu dan berfikir tentang nasib orang lain yang tidak sebaik yang kita lalui. Ibaratnya, berat mata kita memandang, berat lagi bahu yang memikul. Tetapi kepada warga Palestin, berat lagi jiwa yang tiga suku abad berdepan dengan musibah.

Umpama cubit di paha kanan, paha kiri juga terasa. Begitulah



MEREKA yang dianugerahkan kesedaran dan keinsafan akan menghindarkan diri dengan rela hati daripada menyertai sesuatu acara bercorak hiburan.

antara warga Palestin dan kita di negara ini yang dihubungkan oleh rasa kemanusiaan yang sejagat. Maka tragedi yang berlaku di Gaza itu, malah tragedi-tragedi lain juga semestinya turut dirasakan oleh semua dalam kalangan kita.

Golongan yang berkemampuan dari segi kewangan dan kebendaan memperlihatkan rasa simpati dan kebersatuan (solidariti) dengan menghulurkan derma. Tetapi yang tidak mampu menghulurkan derma berbentuk kebendaan, mereka boleh menyumbang dengan turut memperlihatkan simpati. Jangan memperemehkan simpati, ia begitu tinggi nilai kemanusiaannya.

Hal itu membuktikan bahawa bantuan bukan sahaja berbentuk benda. Sokongan moral, simpati dan doa juga adalah bantuan kepada saudara-saudara kita yang terkepung di Gaza. Dari sudut yang lain, sikap sedemikian menjadikan kita lebih bersyukur dan insaf dengan nikmat keamanan di negara ini.

Negara kita berada dalam suasana berkabung sebaik sahaja berlakunya tragedi pembunuhan beramai-ramai itu. Sekalipun tidak diisytiharkan secara rasmi oleh mana-mana pihak, hakikatnya mereka yang mempunyai rasa kemanusiaan yang tinggi sudah dan sedang berkabung.

Itu adalah satu bentuk sokongan moral yang mampu dizahirkan tanpa sesuatu yang bernilai ringgit

dan sen. Maka kita semua yang bersimpati dengan kesan kekejaman di Gaza sedang berkabung - menghindarkan diri daripada sesuatu yang membawa kita lupa pada keganasan di Gaza.

Kita wajar menghindarkan diri daripada bercakap atau menyertai segala sesuatu yang bercorak pesta kegembiraan atau hiburan. Itu juga merupakan salah satu cara kita membantu iaitu memahami dan menyelami rasa saudara kita yang berada di sana.

Mempertingkatkan sedar dan insaf adalah membina kekuatan bagi berdepan dengan ujian hidup pada masa depan. Maknanya kalau hal yang seperti itu pun tidak memagut rasa kemanusiaan kita, cerminan kehidupan menerusi tragedi Gaza itu berlalu dengan sia-sia.

Maka wajarlah sesetengah dalam kalangan kita terus bergembira dan melupakan di satu penjuru dunia ada manusia sedang menderita, antara hidup dan mati di mana bezanya hanyalah waktu.

Penyanyi tersohor Siti Nurhaliza difahamkan telah membatalkan konsert yang dijadualkan berlangsung tidak lama lagi. Tindakan itu sebagai menghormati dan turut berbhagi rasa dengan warga Palestin di Gaza. Siti Nurhaliza melakukan satu tanggungjawab peribadi sebagai manusia yang ada rasa kemanusiaannya.

Tindakan Siti Nurhaliza itu sama seperti yang dilakukan dalam masyarakat kita – kalau jiran atau orang sekampung ditimpa musibah, tidak ada orang kampung mengangjurkan acara-acara keramaian. Dalam skala yang besar apa lagi dengan teknologi maklumat yang canggih, antara Gaza dengan kita sangat dekat jaraknya.

Siti Nurhaliza dikatakan hanya melibatkan diri dengan persembahan yang bertujuan amal untuk mengutip sumbangan bagi warga Palestin. Sikap yang seperti itu tentulah suatu yang sangat terpuji, dilakukan pula bukan kerana desakan peraturan. Sebaliknya lahir daripada kesedaran dan rasa kemanusiaan.

Sebenarnya memang tidak ada peraturan yang melarang penganjuran konsert hiburan ketika umat Islam di Gaza dizalimi dan dibunuh. Tidak ada. Sementara stesen televisyen juga tidak diarahkan menghentikan buat seketika rancangan hiburan termasuk yang seperti tidak ingat dunia.

Walaupun begitu mereka yang dianugerahkan kesedaran dan keinsafan akan menghindarkan diri dengan rela hati. Tentu sahaja tindakan seperti itu tidak difahami oleh semua, kecuali yang mempunyai rasa kemanusiaan yang tinggi.

Tentu ada yang berkata kalau kita berkabung dan tidak berhibur

pun bukannya boleh menghentikan keganasan tentera zionis Israel di Gaza. Berkabung atau tidak, sama sahaja hasilnya. Malah merugikan kerana melakukan kerja yang sia-sia.

Tidak menghentikan tindakan ganas itu mungkin benar, akan tetapi bukan satu kerja yang sia-sia. Ini kerana tindakan itu berupaya membentuk jiwa kita menjadi manusia dari luar dan dalamnya.

Semua yang diperkatakan ini adalah bersifat individu. Memetik kisah tragis di Gaza sebagai satu renungan hidup atau sekadar melintas di garis masa adalah tindakan bersifat individu. Kalau hanya dipaksa oleh peraturan tetapi tidak dilakukan dengan sepenuh jiwa, tentulah tidak ada maknanya.

Kalau ada pihak yang menganjurkan konsert, itu pilihan mereka. Begitu juga kalau stesen televisyen yang terus-menerus memuatkan isi kandungan menjurus hiburan semahu-mahunya, itu juga pilihan mereka. Bagaimanapun sebagai individu, kita juga ada pilihan – sama ada menyekutukan diri atau menjauhkan diri.

Sebagai individu yang hidup dan bertamadun, semestinya kita mempunyai rasa yang tinggi terhadap sesama manusia. Akal dan fikiran yang dianugerahkan itu menuntut kita melakukan sesuatu tindakan yang baik tanpa menunggu arahan daripada mana-mana pihak.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Taklimat Pengurusan YWP bersama agensi

Fahami gerak kerja, tatakelola

HAZIRAH HALIM

DALAM usaha untuk memperkukuhkan hubungan strategik bersama semua agensi kerajaan di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mengadakan satu sesi Taklimat Khas mengenai perkhidmatan yang telah dilaksanakannya selama lebih 37 tahun.

Sesi taklimat yang bertempat di Hotel Tamu Kuala Lumpur baru-baru ini disertai seramai lebih 100 orang pegawai kanan dari enam agensi kerajaan di bawah JWP termasuklah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Perbadanan Kampong Baru (PKB), Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dan Pejabat Tanah Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP).

Mengulas lanjut mengenainya, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP (ALPA), **Gulam Muszaffar Gulam Mustakim** berkata sesi taklimat ini diadakan bagi memberi pemahaman lebih lanjut berkenaan aktiviti dan program yang dilaksanakan termasuk gerak kerja dan tatakelola yang perlu dipatuhi.

“Di peringkat Alpa YWP, kita tekankan tiga perkara utama iaitu daripada aspek tatakelola di mana Perdana Menteri, Datuk



GULAM



SEKITAR sesi taklimat khas YWP dihadiri lebih 100 pegawai kanan dari enam agensi kerajaan baru-baru ini.

Seri Anwar Ibrahim yang bertindak selaku Pengerusi YWP mahu semua warga kerja YWP mematuhi segala polisi dan urus tadbir yang ditetapkan.

“Kedua, PM meminta mempunyai hubungan baik dengan agensi-agensi di Wilayah Persekutuan supaya kita ada kerjasama yang baik, tidak berlaku pertindihan dari segi penerima sekali gus memberi tambah nilai kepada program-program yang bakal dilaksanakan.

“Ketiga, beliau juga meminta kita untuk berhubung dengan

syarikat-syarikat korporat supaya ada penglibatan bersama dalam apa-apa program yang dilaksanakan YWP agar ia menepati kehendak industri di samping membuka peluang sosioekonomi yang lebih baik melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat-syarikat ini,” katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Gulam, enam agensi yang terlibat di dalam taklimat berkenaan merupakan pihak-pihak yang dapat memberi manfaat dan sentiasa menyokong setiap aktiviti dan program YWP melalui perkhidmatan dan gerak kerja yang tertumpu kepada lima aspek utama iaitu Pendidikan,

Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T).

“Di peringkat DBKL, hampir 80 peratus program dan kebajikan yang dilaksanakan oleh YWP adalah bergantung pada peranan dan kerjasama strategik bersama mereka, jadi sudah tentu kita perlu menjelaskan setiap perkara dengan terperinci agar informasi berkaitan YWP difahami dan diterima baik,” katanya.

Semasa sesi taklimat itu, Gulam berkata pihaknya juga menerima beberapa respons daripada agensi terlibat dan berharap ia akan membawa kepada satu kesepakatan dan kerjasama berterusan yang

produktif.

“Sudah tentu kita mendapat maklum balas yang baik walaupun hanya dalam masa singkat. Bila kita sampaikan maklumat dan informasi yang tepat baru mereka faham.

“Saya juga berharap di peringkat ALPA, sekiranya ada perjumpaan dengan agensi berkaitan, barisan ALPA dapat turun bersama supaya segala keputusan dan dasar dilaksanakan bersama,” katanya.

Turut berlangsung semasa sesi taklimat berkenaan adalah penyerahan sumbangan Bantuan Khas YWP dan Skim Usahawan Mikro Kredit (SUMK) YWP kepada penerima yang layak. **WK**

Info

ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8887 7000

Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852



Jabatan Agama Islam KL

03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya

03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan

087-415 311

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

Pasport 50WP: Peluang terokai keindahan Labuan



“KALAU tidak ada pengembaraan ini mungkin saya tidak berpeluang menerokai keunikan dan keindahan pulau bebas cukai yang indah ini,” kata peserta Pasport 50WP, **Nur Fatiha Azhreen Roslan, 32.**

Pertama kali menjejakkan kaki di Labuan pastinya mencipta kenangan indah buatnya apabila berpeluang menerokai tempat-tempat yang menarik selain menikmati juadah yang menyelerakan.

“Ini adalah kali pertama saya menjejakkan kaki ke Labuan. Sampai sahaja di sana, saya terus ke Anjung Ketam yang merupakan antara lokasi Pasport 50WP selain destinasi pelancongan wajib dilawati pengunjung.

“Di situ terdapat pelbagai makanan laut segar seperti ketam, udang, pelbagai jenis ikan dan lain-lain. Kemudian saya ke *checkpoint* seterusnya iaitu Pulau Rusukan Besar yang merupakan permata tersembunyi di Labuan,” ujarnya.

Katanya dia pernah merancang untuk ke sana bersama rakan-rakan

tetapi belum berkesempatan namun disebabkan Pasport 50WP akhirnya dia dapat menjejakkan kaki ke pulau tersebut.

Bercerita lanjut tentang *checkpoint* lain pula, dia yang sudah lama menetap di Kuala Lumpur mengakui masih banyak lagi tempat di ibu kota itu yang belum dijejakinya.

“Sejujurnya saya baru pertama kali mengunjungi Perpustakaan Kuala Lumpur, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara. Sebelum ini, saya hanya melihat dari luar sahaja,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, pengembaraan tersebut merupakan pengalaman berharga buatnya lebih-lebih lagi dapat bersama dua orang rakannya yang lain.

“Kebetulan mereka pun suka melakukan aktiviti seperti ini, jadi kami ambil kesempatan bercuti sambil melaksanakan misi ini bersama-sama,” katanya pengembaraan tersebut dapat mengeratkan hubungan.

Terdahulu, Program Pasport 50WP yang bermula 1 Oktober sehingga 25 Februari 2024 merupakan sebuah program yang dilaksanakan di bawah inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) untuk memberi peluang kepada warga kota menerokai keunikan dan keistimewaan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. **WK**

FATIHA bergambar di salah satu *checkpoint* Pasport 50WP di Labuan.

500 anak pokok bakau ditanam, tingkat biodiversiti

PENJAGAAN alam sekitar perlu dijaga dalam membantu mengekalkan keseimbangan ekosistem selain untuk manfaat generasi akan datang.

Menyedari perkara tersebut, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menganjurkan Program Mangrove Planting baru-baru ini.

Menurut UPTM dalam satu kenyataan, ia merupakan inisiatif pihaknya untuk menyahut seruan pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 13,14 dan 15.

“Staf UPTM yang terlibat diberi kesempatan untuk mendalami kepentingan penjagaan muara sungai bagi menggalakkan kawasan ini sebagai kawasan penampungan ombak dan mengurangkan hakisan muara sungai yang

sering berlaku.

“Penganjuran Program Mangrove Planting ini adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat UPTM yang merangkumkan usaha sama antara Fakulti Perniagaan, Perakaunan dan Sains Sosial (FBASS) dan Pusat Pengajian Siswazah (IGS) dikenali dengan jenama UPTM Cakna.

“Seramai 50 orang sukarelawan dalam kalangan staf UPTM, JPSM, dan JPNS memberi sumbangan besar dengan menjayakan penanaman sebanyak 500 lebih anak pokok bakau yang ditaja sepenuhnya oleh JPSM dan JPNS.

“Kami yakin penanaman bakau ini dapat memberi impak positif kepada alam sekitar melalui perlindungan pesisir pantai dan perkembangan ekosistem bakau,” ujarnya lebih banyak program tanggungjawab sosial korporat seumpamanya akan dijalankan di masa hadapan. **WK**

WK2

Bil 238 . 24 - 30 NOVEMBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Gendang Pati

Bagaikan Sakti M Nasir



Cipta kenangan indah buat peminat

Foto : SHUAIB AYOB
Video: ARIFF AZMAN
HASIF HALIMI

KONSERT Gendang Pati Datuk M Nasir Live In Kuala Lumpur berjaya memikat hati peminat setia penghibur legenda berusia 66 tahun itu yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur.

Figura serba boleh ini mampu menarik perhatian golongan muda untuk menikmati lagu-lagu pelbagai genre muzik dan irama daripada Nusantara antaranya Jawa, Inang dan joget.

Berlangsung selama tiga jam dengan hampir 30 dendangan lagu popular sepanjang empat dekad dalam industri muzik, ternyata ia merupakan satu persembahan yang tidak menghampakan.

Bertemakan pesta rakyat, konsert yang dihadiri seramai 2,800 penonton berjaya menggamatkan suasana di Dewan Plenary, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada malam Sabtu lalu.

Kemunculan burung cenderawasih di atas pentas diiringi lagu Phoenix Bangkit dan Semakin Nyata menjadi tanda bermulanya persembahan yang dinanti-nanti oleh peminat penghibur yang berasal dari Singapura ini.

"Jangan berasa terasing. Saya akan bawa anda ke Pulau Kencana," ucap beliau lantas mempersembahkan lagu Inang Pulau Kencana.

Menjadikan gendang sebagai elemen utama. Alunan gambus, rebab dan perkusi digabungkan menjadi satu bersama-sama alatan muzik berasal dari Brazil, pandeiro.

Alat muzik tersebut yang diperkenalkan oleh M Nasir dimainkan secara solo lantas menerima tepukan gemuruh penonton.

Persembahan bertenaga itu diiringi 16 pemuzik hebat iaitu pengarah muzik dan pemain gitar, Nan Alias, Rafi Mohd (gitar), Norman (*bass*), Firdaus Mahmud (*keyboard*), Eddie Slam dan Ujang Exists (*drum*) serta penyanyi latar, Eja, Widya, Yuaz dan Awe.

Selain itu, ia dilengkapi dengan penampilan pemain perkusi, Paang, Mat Din, Che Long dan Anas. Selain dibantu oleh Awe selaku

pemain perkusi, rebab, serunai dan penyanyi jemputan.

Beliau kelihatan lincah dan bertenaga ketika menyampaikan rangkaian lagu poplarnya antaranya Inang Pulau Kencana, Secangkir Kopi Semanis Puan, Kias Fansuri, Melawan Arus, Tanya Sama itu Hud Hud, Raikan Cinta, Sentuhan Listrikmu, Mustika, Apokalips dan Mentera Semerah Padi.

Menariknya, persembahan malam itu turut menampilkan kelainan dengan mengundang kumpulan koir dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Sam Tet, Ipoh, Perak bagi mengiringi lagu Bagaikan Sakti.

Pada konsert itu juga, Datuk M Nasir turut membawa penonton mengimbau kembali ke era 80-an dengan mendendangkan lagu popular yang dihasilkannya seperti Gadisku (Search), Sekuntum Mawar Merah Sebuah Puisi (Alleycats), Kabut Serangkai Mawar (Zaiton Sameon), Tiara (Kris), Fantasia Bulan Madu (Search), Hukum Karma (Wings) dan Pawana (Search).

Rata-rata penonton teruja sambil ikut serta menyanyikan kesemua tujuh lagu nostalgia tersebut dengan penuh perasaan. Konsert tersebut tidak hanya menyentuh hati tetapi menggabungkan semua perasaan menjadi satu.

Ia merupakan sebuah persembahan yang puitis dan artistik,

mencipta kenangan abadi yang akan dikenang oleh setiap penonton yang hadir dan setia sehingga ke penghujung.

Dalam suasana kegembiraan, Konsert Gendang Pati ini juga tidak melupakan kesengsaraan yang dihadapi penduduk di bumi Palestin. Justeru, pada konsert tersebut, M Nasir menyanyikan sebuah lagu berjudul Masirah yang diilhamkan daripada kejadian sebenar pejuang Palestin, Muhammad Al Durrah berdepan tentera Israel.

Uniknya, lagu tersebut ditulis lebih 20 tahun lalu dan kini menjadi dendangan penutup konsert tersebut sambil diiringi dengan bacaan doa qunut nazilah serta bacaan puisi Thaurah Palestin karya Datuk Dr Usman Awang yang telah dideklamasikan oleh Amerul Affendi sebagai tanda solidariti kepada rakyat Palestin.

Sementara itu, M Nasir ketika ditemui *Wilayahku* berpuas hati dan gembira apabila berjaya melaksanakan konsert tersebut dengan jayanya pada malam yang disifatkan beliau cukup bermakna.

"Saya rasa sangat gembira kerana dapat menjalankan konsert ini. Untuk konsert ini, kesemuanya kami buat sendiri, *handle* sendiri tapi apa-apa pun saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama," kata beliau. WK



HETTY Koes Endang turut hadir memberi sokongan kepada Datuk M Nasir.





Inisiatif 'Menyumbang Sambil Berhibur' YWP berjaya



INISIATIF Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menganjurkan konsep 'Menyumbang Sambil Berhibur' berjaya menarik minat individu, syarikat swasta termasuk badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyumbang ke dana Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP sekali gus berpeluang mendapatkan tiket ke Konsert Gendang Pati Datuk M Nasir pada Sabtu lalu.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Gulam Muszaffar Gulam Mustakim** berkata hasil daripada sumbangan para penaja, YWP memberikan sebanyak 30 tiket percuma sebagai tanda penghargaan.

"Tiket-tiket konsert yang diberikan itu merupakan tiket eksklusif dan istimewanya mereka berpeluang bertemu penyanyi legenda itu dalam sesi *Meet and Greet*."

"Para penaja yang telah menyumbang juga menerima resit pelepasan cukai, promosi jenama dalam media sosial YWP, akhbar *Wilayahku* (anak syarikat YWP) selain cenderamata dan sijil penghargaan," kata beliau.

Menerusi laporan Wilayahku sebelum ini, YWP menawarkan tiket ke Konsert Gendang Pati Datuk M Nasir kepada mana-mana pihak, syarikat mahupun NGO yang menyumbang sebanyak RM10,000 dan ke atas ke tabung berkenaan.

Tawaran yang dilaksanakan itu merupakan promosi pertama dan julung kalinya diadakan oleh YWP di mana ia terbuka kepada warga Wilayah Persekutuan dan seluruh rakyat Malaysia.

Mengulas lanjut, Gulam berkata inisiatif yang dilaksanakan

itu merupakan satu diversifikasi berlainan yang diketengahkan oleh YWP dengan kerjasama bersama pihak swasta.

"Antara objektif kami adalah menjemput individu dan syarikat korporat untuk bersama-sama membantu golongan yang kurang berkemampuan di Wilayah Persekutuan di samping menghulurkan sumbangan kepada saudara-saudara Islam di bumi Palestin."

"Kalau sebelum ini, sumbangan yang dilaksanakan oleh YWP bersifat agama, kebajikan dan pendidikan, kali ini kita cuba tonjolkan kelainan menghulur sumbangan menerusi program-program bergenre hiburan," ujar beliau berharap dapat menganjurkan lagi program kebajikan yang bersifat hiburan.

Tambah Gulam, jalinan kerjasama dengan pihak penaja akan berterusan bukan sahaja untuk konsert hiburan malah apa jua program yang dianjurkan oleh YWP pada masa akan datang.

Terdahulu, YWP berperanan menaik taraf kehidupan golongan miskin dan tidak berkemampuan di sekitar Wilayah Persekutuan sejajar dengan lima fokus utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T).

Sepanjang lima tahun kebelakangan ini, YWP telah membelanjakan tabungan mencecah lebih RM100 juta melalui pelbagai bentuk program kebajikan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat terdiri daripada semua kaum khususnya ketika pandemik COVID-19. **WK**



ANTARA gelagat penonton ketika menyaksikan persembahan Konsert Gendang Pati.

reaksi



NUR AZEEMA,
Petaling Jaya

"TAHNIAH dan terima kasih Datuk M Nasir kerana berjaya memukau perasaan kami. Beliau mempunyai aura, vokal yang mantap selain kesemua lagunya mudah diingat dan dinyanyikan."



SHAZLIN ABDULLAH,
Selangor

"SAYA sangat terhibur dengan setiap persembahan yang ditonjolkan terutama ketika lagu Semerah Padi. Ia lagu kegemaran saya. Paling terharu ketika beliau menyanyikan lagu yang ditujukan buat saudara-saudara kita di Palestin."



ARIFF AZMAN,
Kuala Lumpur

"DARI permulaan konsert sehingga akhir cukup hebat. Saya turut bersama-sama menyanyikannya. Gabungan persembahan gendang, koir dan alatan tradisional dari Brazil superb."



NORAINI ABDULLAH,
Kuala Lumpur

"BAGI saya kesemua persembahan yang dibawa memukau dan harus diberi pujian. Lebih menyeronokkan apabila saya berpeluang bertemu dan bergambar dengan beliau dalam sesi *Meet and Greet*. Rasa macam mimpi."



YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sukacita bergurau senda dengan Perdana Menteri ketika Majlis Santapan di Istana Negara selepas solat sunat Aidilfitri.



KOMUNITI Islam di New York memberikan penghormatan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi pemimpin Islam pertama menyampaikan khutbah Jumaat di Pusat Kebudayaan Islam New York, Amerika Syarikat pada 22 September 2023.



PERDANA Menteri ketika menyampaikan kenyataan negara di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 di Ibu Pejabat PBB New York, Amerika Syarikat pada 22 September 2023.



365 HARI PMX

Sumber Gambar : PEJABAT PERDANA MENTERI

HARI ini, 24 November 2023 genap setahun Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemudi Kerajaan Persekutuan sebagai Perdana Menteri ke-10 selepas episod gelora politik pasca Pilihanraya Ke-15 yang menyaksikan tiada gabungan politik yang mampu menubuhkan kerajaan.

Usai menggalas tugas dan amanah tersebut, Anwar berikrar untuk terus berjuang dan berusaha demi rakyat dan negara demi mendepani cabaran ekonomi sekali gus memperbaiki

semula negara dan memandunya ke landasan yang tepat.

Meniti setahun pentadbirannya, prinsip tatakelola dan banteras rasuah yang dijunjung berdekad lamanya terus menjadi azimat dan reformasi sosial yang dilaungkannya selama ini akan ditegakkan demi keadilan saksama.

Lensa *Wilayahku* merakam momen penting perjalanan PMX sepanjang pentadbirannya yang penuh liku demi kemajuan saksama. **WK**



PERDANA Menteri bersama Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul berjalan untuk menyertai Perbincangan Meja Bulat dengan Syarikat Fortune 500 di New York.



SULTAN Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah disambut mesra Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu keberangkatan tiba baginda di Pangkalan Udara TUDM Subang, Selangor pada 2 Ogos 2023.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri sesi forum APEC 2023 CEO Summit Programme bertajuk The Global Economy and The State of The World di San Francisco, 15 November 2023.



DETIK bersejarah dilakar, ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10 di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 24 November 2022.



HIMPUNAN Malaysia Bersama Palestin membuktikan pendirian teguh Perdana Menteri dan seluruh rakyat bersolidariti menentang keganasan rejim Zionis di Wilayah Gaza.



DIANA AMIR

KEBAYA merupakan pakaian tradisional yang melambangkan sebahagian besar warisan budaya dan identiti wanita pelbagai kaum antaranya Melayu, Peranakan (Cina, Baba Nyonya, Chetti, Siam, Kristang), masyarakat lain di Malaysia serta negara-negara di Asia Tenggara.

Pakaian tradisional itu juga amat sinonim dengan seni sulaman tangan. Menyedari seni tersebut yang semakin hilang ditelan zaman, pemilik Khairos Imani Enterprise, **Khairiyah Ghazali** tampil dengan perniagaan berkonsepkan sulaman nyonya.

Berkongsi idea berkenaan perniagaannya, Khairiah berkata ia tercetus kerana mahu mengangkat semula budaya tersebut di Malaysia.

"Produk utama kami lebih kepada baju kebaya *readymade* selain turut menawarkan kebaya mini dalam bentuk cenderahati," katanya ketika ditemui *Wilayahku* dalam Program PASAREKA 2023 bertempat di Kompleks Kraf Jalan Conlay, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tambahnya, tidak semua suka memakai kebaya kerana itu dia menampilkannya dalam bentuk cenderahati untuk menarik lebih ramai orang membeli dan seterusnya mengenali pakaian tradisional tersebut.

"Ia juga merupakan antara usaha dalam memartabatkan seni sulam terutama buat golongan belia agar mereka juga berminat seterusnya menjaga warisan seni ini.

"Kalau boleh saya mahu semua orang bukan sekadar minat tetapi mampu membuat seni sulam ini seterusnya memasarkan ia ke peringkat antarabangsa," ujarnya yang masih menggunakan mesin manual bagi mengekalkan warisan.

Khairiah berkata terdapat tiga rekaan yang ditawarkan antaranya kebaya lengkap, baju sahaja atau kebaya mini dan potongan kebaya yang diletakkan dalam bingkai gambar.

"Ia mempunyai pelbagai saiz

Kebaya sulaman nyonya tembusi pasaran luar negara



ANTARA koleksi kebaya sulaman nyonya yang dihasilkan Khairos Imani Enterprise.

kerana kita nak tunjuk proses jahitan dan bagaimana bahagian-bahagian kebaya itu dilakukan. Kebaya ini dia satu potongan yang cantik dan apabila dimasukkan dengan sulaman nampak lagi menarik serta unik.

"Kami guna jahitan sulaman (mesin dan sulam tangan)," jelasnya harga yang ditawarkan bermula daripada RM160 sehingga RM5,000 mengikut jenis kain, corak

dan saiz.

Ujarnya, dia juga tidak menyangka perniagaan yang diceburi sekadar mahu mengisi masa lapang akhirnya menjadi pendapatan utamanya.

"Sebelum ini saya kerja di kilang dan ketika itu anak-anak masih

kecil jadi saya perlu mengorbankan kerjaya untuk menjaga mereka. Bermula dari situ, saya mengikuti kelas sulaman Nyonya.

"Pada mulanya saya buat kecil-kecilan sahaja sambil jaga anak tetapi sekarang ia sudah berkembang maju," ujarnya Khairos Imani Enterprise merupakan satu-satunya perniagaan yang menawarkan konsep kebaya mini versi cenderahati di Malaysia.

TEMPAHAN DARI LONDON

KHAIRIAH turut bernasib baik apabila produknya mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja dari dalam negara bahkan pernah menerima tempahan dari London.

"Ketika itu individu tersebut datang ke Malaysia untuk bercuti dan apabila melihat kebaya mini

tersebut, mereka berminat untuk meletakkannya dalam galeri mereka yang terdapat di London.

"Ia merupakan satu penghargaan yang tidak ternilai di mana hasil tangan saya akhirnya dipamerkan di negara luar sekali gus berjaya membuka mata ramai orang," jelasnya penghantaran sebanyak 30 unit dilakukan secara serentak ke

sana ketika itu.

Tambahnya seni sulaman Nyonya tidaklah sukar, ia bergantung kepada minat seseorang individu namun jika betul teknik serta cara yang diajar pasti sesiapa sahaja mampu melakukannya.

"Anak muda yang masih mencari kerja boleh datang ke bengkel saya untuk belajar seni sulaman. Di bengkel tersebut mereka akan diajar asas sulaman dan jahitan kebaya daripada mula sehingga mampu menghasilkan sepasang baju.

"Menerusi seni ini, mereka boleh membuat perniagaan berasaskannya. Saya jamin ia dapat menjaga pendapatan," jelasnya orang ramai boleh membuat tempahan menerusi media sosialnya. [WK](#)



KHAIRIAH



MESIN jahit lama digunakan bagi mengekalkan warisan seni sulam itu sendiri.



Info

6565 Permatang
Jangus, 13100 Penaga,
Pulau Pinang



012-6799 046



Isnin hingga Jumaat
(9 pagi hingga 5 petang)
Sabtu dan Ahad (Tutup)



Khairos Imani Enterprise



QUERN-STONE digunakan pada zaman purba merupakan artifak yang ditemui di tapak arkeologi di Gua Pulau Burong.

Info

Muzium Labuan,
U 0364, Jalan Dewan,
Bandar Labuan,
87008 Labuan

087-414 135

9 pagi – 5 petang setiap hari
(kecuali hari pertama dan
kedua raya Aidilfitri dan
Aidiladha)

Muzium Labuan

Quern-stone lebih 7,000 tahun tarikan di Muzium Labuan



KHAIRUL IDIN

LABUAN merupakan Wilayah Persekutuan kedua Malaysia. Ia merangkumi keseluruhan Pulau Labuan yang mempunyai keluasan 91.64 kilometer (km) persegi yang terletak sekitar 10 km dari pantai Sabah. Pusat bandar bagi Wilayah Persekutuan Labuan adalah Bandar Victoria.

Pulau ini kaya dengan sejarah silam yang dihimpunkan untuk tatapan umum di Muzium Labuan. Ditubuhkan pada tahun 2004, muzium ini pernah menempatkan Pejabat Pentadbiran Kolonial British sekitar tahun 1950-an. Ia memiliki lebih 707 koleksi yang terdiri daripada artifak sejarah dan etnologi.

Menurut Pengarah Muzium Labuan, **Mohammad Azam Adnan**, ruang pameran di muzium tersebut mempunyai dua aras yang mengkhususkan kepada tema sejarah dan kebudayaan di pulau bebas cukai itu.

"Aras bawah khusus kepada tema

sejarah yang memfokuskan lapan segmen utama iaitu pengenalan, era prasejarah, era pentadbiran British, era perang dunia kedua, era pasca perang, segmen Labuan di bawah pentadbiran Sabah, segmen Personaliti Unggul dan segmen perkembangan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan.

"Manakala bagi aras atas pula menumpukan tema kebudayaan yang mempamerkan aspek sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat tempatan di Labuan melalui enam seksyen yang mewakili kaum Melayu-Brunei, Kedayan, Cina, Kadazandusun, India dan Sikh," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Antara yang menarik di Muzium Labuan adalah artifak batu atau *quern-stone* Zaman Neolitik yang ditemui di Pulau Burong, Labuan.

Zaman Neolitik di Malaysia bermula pada kira-kira 7,000 tahun dahulu.

"Artifak batu ini telah ditemui di dalam sebuah Gua Batu Kapur Kecil di Pulau Burong pada tahun 1960. Alat batu ini digunakan untuk menghancurkan dan mengisar hematit menjadi serbuk berwarna merah.

"Serbuk tersebut digunakan dalam upacara pengebumian dan mewarna tembikar.

Masyarakat Zaman Neolitik bukan sahaja menggunakan batu, tetapi telah menggunakan tanah liat untuk membuat tembikar seperti bekas air, periuk dan belanga.

"Selain itu, koleksi persenjataan perang dunia seperti senjata pemusnah kapal selam yang dikenali sebagai *depth charge* dan *anti submarine projectile* turut



AZAM



MERIAM tembaga yang dikenali 'bedil' digunakan oleh masyarakat tempatan secara meluas di Brunei melambangkan simbol darjat, kekuasaan dan kekayaan golongan diraja.

dipamerkan di sini.

"Kedua-dua senjata itu pernah digunakan dengan meluas oleh Tentera Bersekutu untuk memusnahkan kapal selam tentera lawan sekitar Perang Dunia ke-2," ceritanya sebahagian besar bahan pameran di muzium boleh disentuh oleh pengunjung.

Tambahnya, bagi koleksi etnologi turut memaparkan alat-alat perekonomian, alatan muzik, senjata dan alat perburuan, pakaian dan peralatan ritual yang digunakan oleh pelbagai kaum di Labuan.

"Di sini juga terdapat meja rasmi yang digunakan semasa menandatangani Perjanjian Labuan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan pada 16 April 1984 yang diadakan di Dataran Labuan. Pada majlis tersebut, ia digunakan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammed dan mantan Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Mohamad Salleh.

"Peristiwa tersebut sangat

penting kepada masyarakat Labuan kerana ia membawa perubahan yang amat besar dari segi status dan pentadbiran pulau ini," ujarnya.

TARIK MINAT PELAJAR

BAGI menarik minat dan memberi pengetahuan mengenai sejarah di Labuan khususnya kepada golongan pelajar, Muzium Labuan turut menganjurkan pelbagai program kebudayaan dan kesenian yang membabitkan pelajar-pelajar sekolah.

"Kita sentiasa terbuka menerima dan menyambut kunjungan dari sekolah-sekolah di sekitar Labuan dan Sabah. Malah turut mengalu-alukan kunjungan daripada seluruh negara.

"Pelbagai program turut dianjurkan antaranya Pameran Mampan Sejahtera Wilayah Persekutuan Labuan di beberapa sekolah, program eksplorasi sejarah dan geowarisan," ujarnya. **WK**



SERAMIK pecahan pinggan purba yang ditemui di Pulau Enou, Labuan.

Rahsia lai chi kang Derfrezzgril jadi pilihan



Foto: SHUAIB AYOB

HAZIRAH HALIM

SEBUT sahaja air lai chi kang pasti kita terbayang kenikmatan hidangan pencuci mulut yang segar ini lebih-lebih lagi ketika musim panas di mana khasiatnya dikatakan mampu menyejukkan badan.

Merupakan pencuci mulut tradisional bagi kaum Cina satu ketika dahulu, untuk menyediakannya, ia digabungkan dengan beberapa jenis herba berbeza bergantung kepada tukang masak.

Seiring masa, lai chi kang turut melalui transformasi di mana pelbagai campuran bahan diletakkan bagi menjadikannya lebih enak namun masih mengekalkan bahan utamanya seperti kembang semangkuk.

Biarpun kini ia mudah didapati di mana sahaja selain terdapat pek segera bagi memudahkan penyediaannya, namun ia tetap menjadi hidangan wajib ada di restoran dan sebagainya.

Memandangkan ia sering menjadi pilihan pelanggan, maka pengusaha Derfrezzgril, **Mohd Nabil Iqbal Md Tasrin**, 25, mengambil



MOHD Nabil mengetengahkan lai chi kang homemade dengan variasi 12 bahan buat peminat pencuci mulut tersebut.

keputusan untuk mengetengahkan lai chi kang *homemade* buat peminat pencuci mulut tersebut.

Berkongsi tentang perniagaannya, anak muda

ini berkata, idea tercetus pada tahun 2020 di mana ketika itu dia bertindak menyediakan hidangan lai chi kang untuk kaum keluarga dan jiran yang datang bertandang.

"Saya tidak menyangka, mereka memberi maklum balas yang baik dan meminta untuk menjualnya. Kali pertama saya buka tempahan, ramai penduduk sekitar kawasan rumah datang membeli.

"Sejujurnya tarikan utamanya pada air longan hitam yang saya buat sendiri selain 12 bahan yang terdapat di dalamnya seperti kembang semangkuk, kurma cina, biji selasih, buah kundur, kismis, longan kering, laici, barli, cincau, teh bunga, cendawan putih dan lain-lain.

"Rata-ratanya berpuas hati kerana menurut mereka ia tidak terlalu manis berbanding lai chi kang yang dijual di luar," ujarnya kebanyakan

pembeli akan mengulangi membelinya lagi.

Ditanya mengenai kualiti, Mohd Nabil berkata, ia adalah keutamaan dan dia akan sentiasa memeriksa

Info

Bandar Sri Damansara

012-6799 046

Setiap hari
(Isnin hingga Ahad)

@derfrezzgrill

bahan-bahan yang digunakan agar tidak berbau dan sentiasa segar.

"Lai chi kang ini ada ragamnya, kadang-kadang boleh tahan selama seminggu di dalam peti ais tetapi ada kalanya hari kedua sudah menjadi pekat, tidak seperti bancuhan asal namun ia masih boleh dimakan," ujarnya. **WK**



Terima 2,500 pek tempahan

DIJUAL dengan harga RM7 sebekas, air lai chi kang jualanannya yang tular di laman sosial sebelum ini membuatnya mampu meraih pendapatan sampingan yang menguntungkan.

"Alhamdulillah. Saya pernah menerima tempahan sehingga 2,500 pek sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun lalu, selain 600 pek dalam masa satu hari sahaja.

"Walaupun penat dan agak tergesa-gesa untuk menyiapkannya tetapi seronok asalkan dapat memenuhi permintaan pelanggan," ujarnya mengakui sambutan tersebut merupakan salah satu galakan kepadanya untuk tidak berputus asa.

Lebih menarik, Mohd Nabil berkata dia seringkali menerima undangan program televisyen dan radio di bawah label usahawan muda untuk mempromosikan produknya.

"Insya-Allah jika diizinkan, saya ingin memperluaskan lagi perniagaan selain berhasrat untuk terlibat sebagai pembekal bagi katering selain dalam masa yang sama mengkomersialkannya sebagai salah satu minuman segera yang dikenali ramai," ujarnya kepada **Wilayahku**. **WK**





PERSIDANGAN PEDI MADANI

Pemangkin Ekonomi Digital Negara 2023



Dirasmikan oleh
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri

YB Fahmi Fadzil
Menteri Komunikasi dan Digital

TARIKH : 29 NOVEMBER 2023

MASA : 9:00 PAGI – 6:00 PETANG
(ACARA PERASMIAN : 2:30 PETANG)

TEMPAT : PICC, PUTRAJAYA

AKTIVITI MENARIK MENANTI ANDA!

Sertai kami di Persidangan PEDI MADANI 2023
yang julung kali diadakan!

**SEMUA
DIJEMPUT
HADIR**

SESI	MASA	TOPIK
Pembangunan Keusahawanan	11:00 pagi – 11:45 pagi	Meneroka peranan agensi Kerajaan dan swasta dalam transformasi digital Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS), potensi ekonomi digital, dan sokongan untuk PMKS memasuki arena e-dagang, dengan fokus khusus pada sumbangan syarikat kurier. Ahli Panel: SHOPEE, TIKTOK, MATRADE, TEKUN, GDEX
Penciptaan Peluang Pekerjaan dan Peningkatan Kemahiran	12:00 tengah hari – 12:45 tengah hari	Peluang untuk menyertai keusahawanan melalui latihan kemahiran yang dapat mencipta peluang pekerjaan dan penghasilan pendapatan. Ahli Panel: MDEC, MICROSOFT, TRAINOCATE, PERKESO
Pemeriksaan Sosial Melalui Pendigitalan PEDI	5:00 petang – 5:45 petang	Mendalami inisiatif PEDI yang membantu memperkasakan komuniti digital untuk manfaat sosial. Ahli Panel: PAYNET, PROTECTHEALTH, MAXIS, FEFIFO



IMBAS SINI UNTUK MAKLUMAT LANJUT
atau layari
www.mcmc.gov.my/en/pedi-conference

PUSAT EKONOMI DIGITAL



Karnival KUD@Putrajaya 2023

Kupon bernilai sehingga RM200,000



SABRINA SABRE

KUPON penggalak jualan bernilai sehingga RM200,000 bakal diberikan secara percuma khas buat para pengunjung Karnival Usahawan Desa (KUD)@Putrajaya 2023 yang berlangsung pada 22 hingga 26 November ini.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), **Datuk Seri Ramlan Harun**, program yang bermula dari pukul 10 pagi sehingga 10 malam itu menyasarkan transaksi jualan sehingga RM10,000 yang meliputi jualan tunai, padanan perniagaan dan tempahan.

"Kumpulan sasar bagi program ini terdiri daripada usahawan luar bandar yang telah mendapat bimbingan KKDW, agensi dan usahawan-usahawan luar bandar berpotensi yang memerlukan bantuan khidmat nasihat dalam meningkatkan produktiviti dan memperkembangkan perniagaan.

"Seramai lebih 800 usahawan dijemput bagi memperkenalkan



RAMLAN (dua kanan) ketika menyempurnakan Majlis Prapelancongan KUD@Putrajaya di Sri Pentas, Bandar Utama baru-baru ini.

produk pelancongan luar bandar yang menarik dan mampu menambat hati setiap pengunjung.

"Antara kategori jualan terdiri daripada makanan dan minuman, fesyen wanita, lelaki dan kanak-kanak, kecantikan, kesihatan, kraf tangan dan produk pertanian," katanya ia dijangka menarik penyertaan

sehingga satu juta pengunjung sepanjang tempoh lima hari pelaksanaannya.

Aktiviti yang dijalankan membabitkan pameran di bawah KKDW, agensi dan anak syarikat yang memfokuskan kepada keusahawanan, pendidikan serta penawaran kemudahan yang

disediakan.

"Antaranya Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB), Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Program Onboarding Usahawan, Program Pendigitalan Usahawan (PPU), perkampungan mini Orang Asli, persembahan dron dan padanan perniagaan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

"Tidak ketinggalan juga aktiviti seperti Forum Perdana E-hwal Islam dengan panel jemputan, Ustaz Harryanto Rizal Rokman; Ustaz Dr Mohd Erfino Johari dan Ustaz Datuk Dr Zahazan Mohamed, selain persembahan nyanyian oleh kumpulan nasyid Rabbani, UNIC, InTeam dan Daqmie. Turut diadakan perkampungan mini Orang Asli, pertandingan e-sukan dan banyak lagi.

"Di samping itu, komponen Rural Tourism yang berkonsepkan desa ideal turut diperkenalkan kepada masyarakat luar bandar yang membabitkan penyertaan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata sebanyak 10 agensi di bawah KKDW akan terbabat dalam karnival berkenaan iaitu MARA, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), FELCRA Berhad, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), KETENGAH, KEDA dan KEJORA.

"Pelaksanaan program ini juga didokong menerusi pembabitkan pengisian program dari Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (UD), Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran (K), Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (EK) dan GiatMARA.

"Ia turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada Perbadanan Putrajaya, khususnya dalam kelulusan penggunaan lokasi Anjung Floria dan khidmat nasihat pelaksanaan program berskala besar di Putrajaya," katanya perkhidmatan *buggy* juga diperkenalkan pada kali ini setelah mengambil kira keluasan lokasi program untuk diterokai oleh para pengunjung serta keprihatinan KKDW terhadap keperluan warga emas, ibu mengandungi, kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU). **WK**

Padang Bola Sintetik dibuka, diskaun 20% sepanjang November

BERITA gembira buat seluruh warga Putrajaya terutama penggemar sukan bola sepak apabila Padang Bola Sintetik Presint 4, Putrajaya sudah dibuka.

Bersempena pembukaannya, promosi diskaun sebanyak 20 peratus (%) sepanjang November 2023 menanti mereka yang berminat untuk menyewa padang tersebut bagi menganjurkan acara sukan.

Untuk tempahan, harga yang ditawarkan bermula RM640 sehingga RM1,280 mengikut pakej-pakej yang disediakan termasuk satu sesi selama dua jam, pengadil, pembantu pengadil serta dua kotak

air mineral selain perkhidmatan jurugambar turut ditawarkan (pilihan).

Bagi yang berminat, boleh layari laman sesawang www.putrajayasportsarena.com atau hubungi talian **011-5503 7110** selain media sosial @PutrakopOfficial (Instagram) dan PutrakopKoperasiPPJ (Facebook).

Orang ramai diingatkan supaya melakukan tempahan menerusi medium yang betul agar tidak berlaku pertindihan dan kerugian. Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (Putrakop) tidak pernah melantik mana-mana agen bagi tempahan padang. **WK**



ACARA perlawanan bola sepak yang diadakan sempena Majlis Perasmian Padang Sintetik, Presint 4, Putrajaya.

Pesona Anggerik

Orkid Putrajaya

2023

TARIKH
14-20 DISEMBER 2023

TEMPAT
TAMAN BOTANI PRESINT 1, PUTRAJAYA

03 8887 7000
www.ppj.gov.my
Putrajaya
putrajayacorp
perbadananputrajaya
Putrajaya

Isu air dan elektrik

Kerajaan yakin ada jalan penyelesaian



KHAIRUL IDIN

KERAJAAN komited menangani isu bekalan air dan elektrik di Labuan dan sedang mencari jalan terbaik bagi mengatasi masalah tersebut menerusi peruntukan Belanjawan Madani 2024 yang telah diluluskan.

Ketua Setiausaha Negara, **Tan Sri Mohd Zuki Ali** berkata kerajaan pusat mengambil perhatian serius terhadap masalah tersebut dan memerlukan sedikit masa bagi menanganinya.

Katanya pada pembentangan Belanjawan Madani 2024 Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meluluskan peruntukan tambahan untuk Labuan bagi pelaksanaan kerja-kerja penggantian paip-paip usang di pulau tersebut.

“Peruntukan tambahan dengan



ZUKI (kanan) melawat Stesen Janakuasa Elektrik SESB di Patau-Patau pada lawatan kerja ke Labuan, baru-baru ini.

nilai yang besar kepada Labuan telah diluluskan oleh Perdana Menteri cuma kita memerlukan sedikit masa lagi untuk menggunakan peruntukan itu dengan cepat kerana isu bekalan

air tidak boleh tunggu lagi sehingga ia menjadi kritikal.

“Apa yang kita lihat, bagaimana hala tuju kita mengatasi masalah ini dan *Insha-Allah* dengan

perbincangan kali ini ke arah untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

“Saya yakin dengan agensi kerajaan dan kementerian yang

berkaitan mempunyai jalan penyelesaian namun ia memerlukan masa bagi memastikan perkara ini tidak berulang,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Labuan, baru-baru ini.

Pada lawatan itu, beliau turut berkesempatan meninjau perkembangan dan status beberapa kerja-kerja naik taraf yang sedang giat dilaksanakan.

Beliau turut meninjau Stesen Janakuasa Elektrik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Projek Penggantian Paip Pumping di Terminal Tangki Simpanan Pulau Enoe.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Dr Ching Thoo Kim; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. **WK**



EDDIE (tiga dari kanan) menyampaikan bantuan kepada salah seorang asnaf pada Majlis Penyampaian Bantuan Wakalah Hibiscus Sdn Bhd di JKM Labuan, baru-baru ini.

30 anak yatim dan asnaf terima bantuan

SERAMAI 30 orang anak yatim dan asnaf di Labuan teruja menerima bantuan daripada Syarikat Hibiscus Petroleum, baru-baru ini.

Pengagihan sumbangan tersebut turut mendapat Kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan bagi mengenal pasti golongan sasar tersebut.

Menurut Pembantu Pegawai JKM Labuan, Mohd Iqbal Mohd Nuri, pihaknya amat berbesar hati dengan sumbangan yang diberikan oleh Syarikat Hibiscus Petroleum dalam membantu meringankan beban golongan tersebut khususnya di Labuan.

“Kami sebagai sebuah agensi kerajaan yang menjunjung aspek kebajikan masyarakat, amat mengalu-alukan pihak swasta, pertubuhan atau perseorangan untuk bersama-sama menjalankan kerja-kerja kebajikan di

pulau ini,” katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Wakalah Hibiscus Petroleum di Bangunan JKM Labuan, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Perhubungan Komuniti dan Kerajaan Hibiscus Petroleum, Datuk Eddie Abdullah.

Sementara itu, seorang penerima yang juga merupakan ibu tunggal, Dayang Fatimah Zahari, 38, menzahirkan kesyukuran atas sumbangan yang membantu meringankan beban menyara dua orang anaknya.

“Terima kasih kepada pihak Hibiscus Petroleum kerana sudi menyumbangkan bantuan ini kepada kami yang kurang berkemampuan. Saya amat bersyukur dengan adanya bantuan ini dapatlah saya membeli barangan keperluan harian dan belanja anak-anak ke sekolah,” katanya. **WK**

USIA Labuan platform kukuh silaturahim

PENGANJURAN Program Santunan Kasih Bersama Saudara Baru yang dianjurkan oleh Wanita Pusat Dan Wanita Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) Labuan, baru-baru ini dilihat sebagai platform mengukuhkan hubungan silaturahim di pulau itu.

Program yang disertai lebih 30 orang mualaf itu diserikan dengan palbagai program menarik antaranya sesi ceramah agama dan ramah mesra selain penyampaian bantuan wang tunai.

Salah seorang peserta, Imran Binjinturun, 43, berkata penganjuran tersebut memberinya peluang untuk mengenali agama Islam secara lebih mendalam dengan bantuan pertubuhan itu.

“Alhamdulillah sejak memeluk Islam pada 2015, saya sering dipanggil untuk mengikuti program seperti ini oleh USIA Labuan dan mereka amat mengalu-alukan kami untuk bersama-sama mengeratkan silaturahim.

“Selain itu, saya juga bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada USIA Labuan kerana dengan bantuan ini dapat meringankan beban kami,” katanya kepada

Wilayahku.

Sementara itu, Nuratikah Abdullah, 38, pula menyifatkan penganjuran program tersebut merupakan satu usaha yang baik khususnya kepada golongan mualaf.

“Sebagai seorang mualaf, banyak ilmu agama yang kita boleh pelajari dan secara tidak langsung dapat memantapkan lagi akidah. Saya harap program seperti ini lebih kerap lagi diadakan pada masa akan datang,” ujarnya.

Menurut Ketua USIA Labuan, Mohd Ali Mohd Omar Bledram, ia merupakan salah satu aktiviti yang sentiasa dianjurkan bagi mendekati masyarakat khususnya golongan mualaf agar mereka bersama-sama dalam menegakkan syiar Islam.

“USIA Labuan memainkan peranan menegakkan syiar Islam di Labuan sejak ditubuhkan 30 tahun lalu dan bukan sahaja sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) berteraskan agama tetapi institusi yang telah berjasa menyebarkan syiar Islam,” ujarnya berharap golongan yang berkenaan bersatu dalam menjayakan aktiviti dan program yang dianjurkan demi agama. **WK**



KETUA Wanita USIA Labuan menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mualaf pada Program Santunan Kasih Bersama Saudara Baru.

Fokus seimbang sukan, akademik

Kathish tidak mahu dilabel 'tin kosong'

SABRINA SABRE

BIARPUN sukan karate sudah sebatu dalam hidupnya sejak lebih 10 tahun lalu namun atlet Wilayah Persekutuan, **Kathish Gnanasekaran** tidak pernah mengabaikan pelajaran.

Bagi atlet berusia 22 tahun ini, untuk bergelar atlet yang berjaya bukan sahaja perlu menumpukan bidang sukan namun akademik juga perlu seiring supaya tidak dipandang sebagai 'tin kosong'.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran di Universiti Malaya (UM) ini berkata, dia sentiasa berpegang pada janji dengan ibu dan bapanya untuk meraih kejayaan cemerlang dalam kedua-dua bidang yang diceburi.

"Mereka meletakkan harapan tinggi jadi saya perlu bijak membahagikan masa antara pelajaran dan latihan kerana walaupun bergelar atlet sepenuh masa, pencapaian akademik juga perlu diberi perhatian," ujarnya menyimpan cita-cita untuk bergelar pegawai penyiasat suatu hari nanti.

Berkongsi lanjut dengan *Wilayahku*, anak bongsu daripada



AKSI Kathish (kanan) ketika Kejohanan Asian Karate pada Julai lalu.

dua orang adik-beradik ini berkata, disiplin yang ketat penting untuk memastikan dirinya berjaya menentang pihak lawan.

"Buat masa ini, sesi latihan adalah setiap hari. Tidak ada

kompromi. Selain itu, saya turut menfokuskan kepada ketahanan mental kerana atlet karate perlu fokus 100 peratus sebelum beraksi bagi mengelakkan sebarang kecederaan.

"Nampak mudah namun perlu bijak mengatur strategi dan mencari kelemahan lawan adalah perlu supaya digeruni dan bergelar juara," ujarnya yang menjadikan karateka Azerbaijan, Rafael Mahir

Pencapaian Kathish

2023 - SEA Games - **Tempat kedua**

2023 - South East Asia Karate Federation - **Tempat kedua**

2022 - SEA Games - **Emas**

2022 - SUKMA XX MSN - **Emas**

Aghayev sebagai idola.

Menyentuh perkembangan terbaharunya, dia kini sedang menumpukan sepenuh perhatian dan mempergiatkan latihan bagi menghadapi Kejohanan Karate 1 Series A yang akan diadakan Disember ini di Portugal.

"Diharapkan kemenangan menjadi milik saya seterusnya dapat mengharumkan nama negara. Saya sentiasa mencabar diri untuk ke peringkat yang lebih tinggi sekurang-kurangnya tiga tahun dari sekarang.

"Saya memang impian untuk beraksi di WKF dan Olimpik sebelum umur 25 tahun. Diharap apa yang diinginkan tercapai dalam tempoh tersebut," ujarnya yang ingin beraksi pada Kejohanan Karate Dunia (WKF). **WK**

Enam petinju berebut kejuaraan

DIANA AMIR

ENAM petinju luar negara dari benua Asia dan Eropah bakal berentap bagi merebut 12 tali pinggang kejuaraan di Grand Final Kuda Merah International World Muaythai Championship 2023 yang bakal berlangsung di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 25 dan 26 November ini.

Menurut Presiden Kelab Muaythai Kuda Merah, Rosli Yaacob, selain Malaysia, antara negara yang terlibat dalam penganjaran kali ke-72 ini adalah Thailand, Indonesia, Afghanistan, Maghribi, Itali dan Iran.

"Kami mensasarkan lebih 5,000 penonton dari dalam dan luar negara bakal memenuhi stadium sepanjang dua malam perlawanan di mana tiket dijual dengan harga RM20 buat pembeli terawal manakala RM25 untuk harga biasa.

"Penganjuran sejak 2013 itu, turut mendapat sokongan Tourism Malaysia, sekali gus menjadi sebuah acara hebat mengisi kalendar aktiviti pelancongan tahun 2023," katanya dalam Sidang Media Grand Final Kuda Merah International World Muaythai Championship 2023 yang diadakan di Kumpulan

Media Karangkraf, pada Selasa.

Menurut salah seorang peserta, Putra Abdullah Mahmud, 18, dia tekad untuk mengekalkan status kejuaraan yang dimilikinya pada kejohanan lalu.

"Untuk kali ini persiapan memang lasak. Sebelum ini, saya jarang berlatih pada waktu pagi namun untuk kejohanan ini saya perlu menjalani latihan pada waktu pagi, petang dan malam. Ia juga merupakan antara sesi warming up buat saya dalam persiapan menghadapi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2024.

"Saya rasa bangga dan lebih bersemangat apabila membawa nama Wilayah Persekutuan dan diharapkan dapat

menempa kejayaan seterusnya mengharumkan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) juga.

"Sasaran utama adalah untuk mengekalkan kejuaraan walau apa pun yang terjadi dan *enjoy the fight* dalam gelanggang perlawanan," ujar atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) itu.

Terdahulu, seramai 28 petinju terdiri daripada 14 regu akan bertarung untuk merebut hadiah berupa 10 tali pinggang kejuaraan, dua tali pinggang juara pusingan, dua piala dan wang tunai di mana pemenang atau juara tali pinggang akan kembali dicabar dalam Clash of Champion pada November 2024. **WK**



ROS LI (kanan) bersama Pengarah MSWP, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh (dua kanan) ketika sidang media.

KEJOHANAN KUDA LASAK
PIALA PRESIDEN PPj 2023


08 & 09 DIS. 2023 | TAMAN WETLAND PUTRAJAYA, PRESINT 13

YURAN PENYERTAAN
KATEGORI 40KM-RM50.00 | VIP/FUN RIDE 15KM-RM100.00

KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI
+6012 263 2306

www.ppj.gov.my | perbadananputrajaya | putrajayacorp

PERADUAN MEWARNA PM238



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimmkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM238".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 2 DISEMBER 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 240.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK238

K	K	K	A	B	E	N	E	A	A	C	K	A	P
R	A	A	A	A	K	U	E	K	P	T	M	I	A
W	L	J	U	P	E	A	U	I	I	R	A	P	A
A	A	E	S	A	G	S	J	J	A	G	Y	A	J
L	K	S	A	T	A	U	U	G	A	A	A	T	A
A	A	P	G	R	A	M	A	T	L	U	P	E	B
U	N	S	A	P	E	L	E	S	U	L	U	T	S
P	A	N	M	U	L	E	B	E	S	I	S	A	K
U	M	W	I	M	L	S	A	M	B	I	L	P	K
N	K	E	R	A	N	A	E	U	N	B	P	A	A
L	M	P	B	B	L	E	E	L	A	I	A	B	L
A	A	S	L	N	I	P	A	A	L	L	E	I	A
A	G	E	A	I	A	E	A	L	U	A	L	L	U
L	A	D	K	E	C	U	A	L	I	A	A	A	T

AGAR
ATAU
DAN
TETAPI
SEJAK
KERANA
JIKA
APABILA
WALAUPUN
SEBELUM
KECUALI
LALU
SAMBIL
SELEPAS
MANAKALA
SUPAYA
KALAU

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimmkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK238".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 2 DISEMBER 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 240.

3

PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 236

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM236:

NURJANNAH BINTI MOHD NAQIB
(11 tahun)
Presint 15, Putrajaya.

QISYA IZARA BT AKBER NIZAM
(9 tahun)
Presint 11, Putrajaya.

AQMAL HAZEEM BIN AHMAD RIDZUAN
(8 tahun)
Bukit Keramat, Kuala Lumpur.

QISYA



AQMAL

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK236:

ARIF MANSUR BIN ABDUL MALIK
(11 tahun)
Taman Ambar, Dengkil.

RUNGSI IFFA A/P MARISI HAMARA
(30 tahun)
Presint 11, Putrajaya.

NOOR HERWANNI BINTI HARMAN
(40 tahun)
Bandar Tasik Kesuma, Beranang.



ARIF



IFFA



HERWANI

Merakyatkan Pusat Ekonomi Digital

Demi kemaslahatan komuniti setempat

TINDAKAN kerajaan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi komuniti setempat dengan memberi pendedahan kepada semua penduduk berkaitan kemahiran digital tanpa mengira kedudukan sosial mahupun geografi mereka, adalah satu langkah yang tepat dan keterhadapan.

Usaha yang dilaksanakan melalui Pusat Ekonomi Digital (PEDi) bukan sahaja berupaya untuk membantu komuniti setempat menyertai dan mengambil peluang untuk bergiat dalam ekonomi digital bahkan juga membuka peluang kepada mereka meningkatkan sumber pendapatannya. Selain itu, keadaan tersebut turut menyumbang kepada peningkatan daya saing dan seterusnya memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

PEDi merupakan inisiatif kerajaan yang diterajui oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menerusi Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) bagi menyediakan kemudahan capaian Internet di kawasan yang kurang mendapat liputan serta menyemai kemahiran dan minat terhadap teknologi maklumat dalam kalangan komuniti setempat di kawasan luar bandar yang kurang liputan dan kurang berkemampuan.

Setakat ini di seluruh Malaysia, sebanyak 911 PEDi telah beroperasi sepenuhnya manakala 186 PEDi baharu sedang dalam perancangan untuk dibangunkan. Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menerusi MCMC telah menyasarkan penyediaan sebuah PEDi di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Setiap PEDi dilengkapi dengan capaian Internet, program latihan ICT serta keusahawanan bagi membantu meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat menerusi pembangunan modal insan dan keusahawanan khususnya bagi peniaga mikro dan kecil agar menyertai ekonomi digital menerusi platform digital yang sedia ada.

Sejak diasaskan pada 2007, PEDi telah mengharungi pelbagai evolusi, bermula dengan Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan kemudiannya kepada Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) sehinggalah kepada Pusat Internet Komuniti (PIK) dan kini Pusat Ekonomi Digital (PEDi), semuanya memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan masyarakat setempat.

Sinonim PEDi dengan peningkatan taraf hidup penduduk setempat cukup terserlah apabila seramai 1.3 juta penduduk dengan mereka yang berumur antara 22 hingga 59 tahun paling ramai menggunakan perkhidmatan PEDi.

MELIPUTI KESEMUA KATEGORI LATIHAN

MANAKALA, penyertaan latihan oleh komuniti setempat telah mencecah 3.3 juta meliputi kesemua kategori latihan yang ditawarkan seperti Keusahawanan Digital, Latihan ICT dan Literasi Digital, Advokasi dan Penglibatan Komuniti, e-Pembelajaran serta STEM/Internet of Things (IoT).

Kini, selepas 16 tahun beroperasi, hala tuju baharu PEDi bakal diumumkan pada Persidangan PEDi MADANI 2023 yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 29 November 2023 ini.

Bertemakan Pemangkin Ekonomi Digital

EVOLUSI PUSAT EKONOMI DIGITAL (PEDi)							
2007	2008	2012	2014	2015	2018	2020	2021-sekarang
 USPCommunication Centre (UCC) 12 UCC 1 Mbps 10 unit komputer	 Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) 85 PJK 2 Mbps 20 unit komputer ● Kelas asas akses kepada Internet	 Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) 287 PI1M 4 Mbps 20 unit komputer ● Kelas asas ICT dan keusahawanan	 PI1M Fasa Miskin Bandar (Urban Poor) 513 PI1M 20 Mbps (4 Mbps - PI1M, 15 Mbps - 5 Wifi Hotspot) 20 unit komputer ● Kemudahan mesra OKU dan kanak-kanak ● Kelas asas ICT keusahawanan dan multimedia ● Pengenalan kepada platform e-dagang	 Next Generation Innovation Center 656 PI1M + 1 NGIC 20 Mbps 20 unit komputer ● Kelas asas ICT, asas dan lanjutan keusahawanan ● Penciptaan kandungan kreatif dan multimedia ● Program aplikasi dan LEGO ● Bengkel asas pembangunan aplikasi dan robotik ● Lokasi NGIC adalah di Terengganu yang dikenali sebagai Lab Terbuka Inovasi Kemaman (KOIL)	 Pusat Internet 869 PI 20 Mbps 20 unit komputer ● Pusat perkhidmatan digital setempat (e-kerajaan, e-pembayaran) ● Kelas asas ICT, asas dan lanjutan keusahawanan ● Kelas dan bengkel asas sains, teknologi, kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Internet Kebendaan (IIOT)	 Pusat Internet Komuniti (PIK) 873 PIK 20 Mbps 20 unit komputer ● Pusat Perkhidmatan digital setempat (e-kerajaan, e-pembayaran) ● Kelas asas ICT, asas dan lanjutan keusahawanan ● Program e-pembelajaran ● Program advokasi dan keterlibatan komuniti	 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) 911 PEDi 20 Mbps 20 unit komputer ● Kelas asas ICT, asas dan lanjutan keusahawanan digital ● Pengenalan kepada papan tanda tulisan Jawi di semua PEDi di Semenanjung Malaysia ● Pelantikan Rakan Digital PEDi ● Pelantikan Ikon Usahawan PEDi ● Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) ● Panel Penasihat

Negara, Persidangan PEDi MADANI 2023 itu nanti akan meraikan pengurus-pengurus PEDi dari seluruh negara dan memberi pengiktirafan kepada para usahawan yang telah menempa kejayaan dengan memperoleh latihan di kemudahan PEDi. Persidangan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim.

Pembaharuan tersebut adalah seiring dengan pengumuman Perdana Menteri semasa Belanjawan 2024 baru-baru ini yang memperuntukkan RM25 juta bagi memperkasa peranan PEDi di setiap DUN untuk menyokong pengusaha kecil memasarkan dan menjual produk secara dalam talian.

Jika sebelum ini PEDi berperanan sebagai pusat ekonomi digital kini menerusi pembaharuan yang dilakukan nanti, ia akan memainkan peranan sebagai pemangkin ekonomi digital. Dalam erti kata lain, PEDi tidak hanya beroperasi sebagai Pusat Internet bagi komuniti tetapi potensi besarnya turut digunakan oleh usahawan setempat untuk menajwa pendapatan lumayan dengan beberapa produk baik dan pemasaran utuh, tanpa perlu ke bandar.

Untuk itu, kerajaan akan terus memperkasakan perkhidmatan yang ditawarkan di 911 PEDi di seluruh negara.

Langkah berkenaan penting agar PEDi berkenaan dapat berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan digital ekonomi khususnya di kawasan luar bandar. Usaha ini juga akan disokong dengan penyediaan peralatan dan perisian ICT berserta kemudahan aplikasi yang disesuaikan bagi komuniti setempat. Untuk itu, sebanyak RM25 juta menerusi pembiayaan Dana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dijangka akan dibelanjakan untuk penyediaan kemudahan ini.

Selain itu, pelantikan Pengerusi Panel Penasihat PEDi yang dilaksanakan juga memberi impak kepada peranan dan hala tuju PEDi untuk merancakkan ekonomi digital setempat melalui penglibatan komuniti di sekitar PEDi. Pengerusi yang dilantik daripada kalangan pemimpin setempat yang berpengalaman diharap dapat merancakkan lagi aktiviti dan gerak kerja PEDi sebagai sebuah pusat tumpuan untuk aktiviti berkaitan ICT dan juga ekonomi setempat.

Turut ditawarkan di PEDi ialah Program

Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti MDEC, MYNIC, SSM, TEKUN serta FAMA dan syarikat swasta seperti Shopee, AEON, Maxis, GRAB yang menjalankan pelbagai program latihan bagi pembangunan ekonomi digital masyarakat setempat.

Pihak MCMC juga sedang dalam perbincangan dengan agensi kerajaan dan swasta yang lain bagi menyediakan lebih banyak program latihan dan bimbingan keusahawanan digital bagi memperkasakan lagi PEDi agar komuniti setempat mendapat manfaat optimum.

IMPAK POSITIF

HAKIKATNYA, kemunculan teknologi digital secara tidak langsung memberi impak positif kepada kehidupan golongan usahawan setempat. Jika dahulunya, mereka terpaksa melakukan urusan seharian secara konvensional, kini urusan sedemikian boleh dilakukan di hujung jari mereka menerusi Internet. Cara ini bukan sahaja menjimatkan masa bahkan dapat meningkatkan tahap produktiviti mereka. Apa yang menarik di sini ialah mereka yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan terdiri daripada pelbagai lapisan umur (20-an sehingga lewat 50-an).

Ternyata, melalui PEDi, ramai usahawan telah menikmati suatu kehidupan yang lebih baik berbanding sebelumnya. Kisah Fatin Noor Amera Mohd Fadzil, 26, dari Kampung Sungai Masin, Selangor yang merupakan usahawan makanan dan juga penjual semula barangan seperti stokin tangan serta barangan keperluan lain adalah contoh terbaik. Hasil latihan dan bimbingan yang diterima di PEDi dan platform *Shopee*, kini membolehkan beliau memperoleh hasil pendapatan yang jauh lebih tinggi berbanding dengan pendapatannya sebelum ini.



Bagi Sandra Trinata Anak Kolensius Sugeng, 35, dari Bau, Sarawak yang mengusahakan perniagaan produk kraf berasaskan rotan lebih 10 tahun lamanya, impak PEDi kepada kejayaan beliau amat signifikan. Sandra mula mengikuti latihan di PEDi tentang cara-cara mempromosikan produk kraf secara dalam talian melalui laman *Facebook* (FB). Berkat bimbingan yang diterima akhirnya menyaksikan hasil pendapatan beliau meningkat

berlipat ganda selain menerima Anugerah Kecemerlangan Kerajaan Sarawak atas penghasilan *'The Glow Tree of Life.'* Kejayaan beliau turut mendapat perhatian Laman *FB MenarikDiBau* apabila dijemput sebagai tetamu jemputan bagi berkongsi mengenai perniagaan beliau.

Bagi Mohd Rashid Bakar, 57, dari Kota Kuala Muda, Kedah yang mengikuti kursus keusahawanan di PEDi Kota Kuala Muda telah mempelajari penggunaan media sosial. Hasil kegigihannya, beliau memiliki sebuah kedai yang dinamakan Bengkel Bahulu Kampung Sungai Deraka manakala hasil pendapatannya turut naik berlipat ganda.

Beberapa kisah kejayaan usahawan yang diketengahkan tadi jelas membuktikan komitmen kerajaan bagi memastikan taraf hidup rakyat Malaysia dipertingkatkan.

Pada masa yang sama, ia juga cerminan keseriusan kerajaan untuk memupuk gaya hidup digital dalam kalangan masyarakat seiring dengan aspirasi kerajaan dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi digital negara.





Bakat penting untuk kekal dalam industri

DARI MUKA 24

BAGI calon tunggal dari Malaysia yang tersenarai dalam 100 Wajah Tercantik 2022 (100 Most Beautiful Faces of 2022) oleh TC Candler ini, rupa paras dan bakat itu perlulah berjalan seiring apabila menjadi selebriti.

“Bagi saya, kalau cantik, tapi tidak berbakat, agak sukar untuk kekal dan bersaing dalam industri ini. Jika mempunyai bakat besar dan rajin memperbaiki kelemahan diri, pasti kehadiran kita akan mewarnai industri. Lihat sahaja ramai artis veteran yang kekal diminati sehingga ke hari ini.

“Mereka tidak hanya bersandarkan kepada keindahan fizikal semata-mata tetapi sebaliknya membuktikan mereka benar-benar anak seni yang hadir dengan kehebatan bakat sebagai taruhan.

“Pokok pangkalnya adalah bakat. Kalau cantik, tapi tidak berusaha untuk menggilap bakat dan memperbaiki kelemahan diri, susah juga nak berkembang. Pun begitu, ia ditambah dengan usaha dan sudah semestinya rezeki.

“Kerja keras itu paling utama, saya sendiri sudah mula membina kerjaya seawal usia belasan tahun lagi,” ujarnya yang sudah menghiasi iklan komersial televisyen dan majalah ketika berumur 15 tahun. **WK**

Wany Hasrita menangis tengok anak senyum

PENYANYI popular Wany Hasrita atau nama sebenarnya Nurshazwany Hasrita Hasbullah, 30, mengakui banyak perbezaan setelah bergelar seorang ibu kepada Aishah Al Iman hasil perkongsian hidup bersama suaminya, Mohd Al-Adib Fahmi Harun.

Ujarnya, tumpuan dan keutamaan mereka kini adalah kepada cahaya mata sulung yang kini berusia lima bulan.

“Memang sangat berbeza kehidupan sebelum dan selepas bergelar ibu. Sekarang saya dalam fasa menyesuaikan diri dengan kehidupan baru.

“Terkadang bila tengok Aishah senyum, terus hilang semua rasa penat lelah lebih-lebih lagi buat masa ini saya masih berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Kuching, Sarawak.

“Saya agak sibuk memenuhi tanggungjawab dalam kerjaya seni di samping menjalankan tugas sebagai isteri dan juga ibu. Walau bagaimanapun mungkin pada masa depan saya bercadang untuk terus menetap di Kuching bersama suami dan anak. Namun, jika ada tuntutan kerja, saya akan terbang balik ke Kuala Lumpur,” ujarnya.

Bercerita lanjut tentang perkembangan seninya, Wany baru sahaja muncul dengan lagu terbaharu berjudul Cinta Hati.

“Apa yang istimewa, Aishah turut terlibat dalam video muzik lagu tersebut. Saya sangat berterima kasih pada suami yang dikasihi kerana memahami dan mengizinkan penglibatan Aishah



dalam muzik video Cinta Hatiku.

“Aishah masih terlalu kecil, jadi saya perlu meminta persetujuan suami dulu. Alhamdulillah dikurniakan suami yang penyayang serta memahami

tuntutan kerjaya seni.

“Dalam masa yang sama, saya juga tak lupa peminat yang sentiasa menyokong karier walaupun kini telah menjadi isteri dan ibu.

Bergelar ibu, membuatkan saya lebih menghargai ibu saya yang selama ini telah banyak bекorban,” ujarnya yang terasa sebak apabila melihat anaknya tersenyum. **WK**

Usaha sendiri, bukan ditaja



ISU pelakon muda hidup mewah kerana ditaja oleh ‘mak datin’ bukanlah sesuatu yang baharu. Demi kemewahan hidup, mereka sanggup melakukan apa sahaja.

Terbaharu, pelakon **Shah Radhi Hazvee** tidak terkecuali didakwa kononnya hidup mewah meskipun dirinya bukanlah sebaris pelakon lelaki popular yang lain.

Lebih membuatkan Shah Radhi kecewa apabila usahanya membuka francais Restoran Ngam Ngam di IOI Mall, Putrajaya dikatakan mendapat tajaan.

“Dalam dunia ini semua perkara (bisnes) memerlukan modal besar. Nak hidup pun kena ada duit, tapi saya sudah lama merancang untuk buka restoran ini.

“Cuma peluang dan masa untuk saya sebelum ini tiada. Saya yakin kepada Allah yang menentukan rezeki hamba-hambaNya. Ditambah pula dengan doa ibu yang sentiasa mengiringi kehidupan saya.

“Pasal ‘mak datin’, iya ada yang fikir saya ditaja. Namun demi Allah saya bukan begitu. Saya buka restoran dengan usaha sendiri dan bukannya ditaja siapa-siapa,” ujarnya.

Tambahnya sepanjang terlibat dalam perniagaan, ramai yang meminjam duit daripadanya sehingga pernah kerugian besar mencecah jutaan ringgit.

Shah juga menjelaskan dia berasal daripada keluarga yang mempunyai latar belakang bisnes. Itu yang membuatkan dirinya turut aktif dalam perniagaan.

“Selepas tamat sekolah menengah dulu, saya pernah berniaga burger bakar. Kemudian tutup sebab tiada kakitangan. Selepas itu barulah saya ceburi bidang lakonan.

“Dalam membina nama, saya cabar diri untuk tetap meneruskan bisnes. Kekuatan saya sebenarnya adalah daripada pengalaman pahit di mana pernah ada orang yang memandang rendah kepada saya,” ujarnya yang turut memberi sumbangan kepada artis veteran sempena pembukaan Restoran Ngam Ngam miliknya baru-baru ini.

Antara artis veteran yang hadir S. Mariam, Datin Fadilah Mansor, Delimawati, Chef Yang Jamil, Sophia Ibrahim, Norlia Ghani dan Mak Wan Latah. **WK**



Anna Jobling siap siaga

DEEL ANJER

ANNA Jobling antara yang beruntung. Ketika tidak ramai anak seni tempatan mampu menembusi pasaran industri seni negara seberang, nasib pelakon jelita ini sebaliknya. Bakatnya turut diperhatikan karyawan di sana dan dipercayainya untuk memegang watak utama dalam drama bersiri *The One* terbitan Over The Top (OTT), MNC TV Indonesia.

Mula menjadi perhatian selepas membintangi drama bersiri *Melur Untuk Firdaus* bersama Meerqueen, pelakon jelita ini tidak menyangka bakatnya dilihat oleh produksi Indonesia selepas drama tersebut tular di media sosial.

“Beberapa kali saya terpaksa menolak tawaran produksi negara itu sebelum ini kerana pertindihan jadual namun akhirnya impian saya jadi kenyataan. Malah, saya bersyukur kerana diberi peranan sebagai teraju utama.

“Dalam masa yang sama, saya juga gembira membintangi naskhah terbitan produksi tersebut kerana waktu penggambaran dan juga watak yang diberikan bersesuaian.

“Namun begitu, dalam gembira ada juga rasa takut apabila saya perlu mempersiapkan diri untuk mendalami bahasa dan dialek Indonesia. Mujurlah pihak produksi di sana banyak membantu,” ujarnya teruja apabila pelakon kegemarannya, Pevita Pearce juga merupakan salah seorang daripada pengarah drama tersebut.

Berkongsi lanjut tentang perkembangan kariernya, selebriti berusia 23 tahun ini sekali lagi memanjatkan kesyukuran apabila dia sekali lagi diberi kepercayaan untuk menjayakan filem bergenre seram yang diarahkan oleh Baim Wong dan Ruben Adrian.

“Alhamdulillah rezeki yang tidak disangka-sangka. Saya dapat bekerja-

ma dengan nama-nama besar yang tak asing lagi dalam industri hiburan negara jiran. Sekarang saya sedang menjalani penggambaran selama sebulan di Jogja, Indonesia. *Insya-Allah* ia bakal disiarkan pada pertengahan tahun depan.

“Filem ini membawa genre seram di mana kita semua tahu naskhah berkonsep seperti itu dari negara tersebut semuanya hebat belaka,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Biarpun masih baru dalam bidang seni, namun pemenang trofi BBNU Wanita Popular pada Anugerah Bintang Popular BH (ABPBH) Ke-35 tahun lalu itu tidak putus menerima tawaran lakonan.

Memiliki pakej lengkap sebagai pelakon, Anna bagaimanapun menolak tanggapan luar bahawa rupa paras merupakan faktor utama dia meraih populariti luar biasa dalam karier seni.

Menurutnya rupa paras yang jelita bukanlah jaminan seseorang artis itu kekal dalam industri dan dalam masa yang sama menggunakannya sebagai tiket untuk bertahan lama.

“Persoalan ini bukan isu baharu dalam industri tanah air. Ia menjadi bualan sejak dahulu lagi. Bezanya, dahulu tiada media sosial, jadi isu ini tidaklah begitu menonjol untuk dibicarakan.

“Bagi saya kecantikan adalah subjektif kerana dalaman lebih penting dari luaran yang kita semua tahu tidak akan kekal lama. Saya sedar, mungkin orang lebih melihat kecantikan itu secara luaran tetapi ketahuilah dalaman itu lebih utama yang akan terpancar ke luar.

“Mungkin apa yang saya cakap ini nampak klise, tapi itulah hakikatnya. Cantik dalaman itu akan kekal. Kalau ada sikap terpuji, karakter baik, secara automatik akan menjadikan seseorang itu menarik,” ujar pemilik nama sebenar, Anna Ellisa Gustin Jobling Abdul Rahman ini.

23



Foto: AMBER MODE